

KOMITED MEMPERKASA BELIA DENGAN MENYEDIAKAN PERSEKITARAN KONDUSIF



Oleh : Haniza Abdul Latif

BERAKAS, Sabtu, 16 Ogos. - Satu skim pembiayaan mikro patuh syarak telah diwujudkan, khusus bagi usahawan belia, hasil kolaborasi strategik di antara Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan Bank Usahawan Berhad.

Skim ini dinamakan 'BizBelia' dan memberikan peluang kepada pengusaha-pengusaha belia tempatan untuk mendapatkan sumber kewangan daripada institusi kewangan tempatan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah demikian semasa Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-20, Tahun 2025 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

>> Muka 3

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-20, Tahun 2025 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit.

Perutusan tahniah sempena Hari Kemerdekaan Republik Indonesia

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Dato Laila Utama Prabowo Subianto.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 17 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Dato Laila Utama Prabowo Subianto, kerajaan dan rakyat Republik Indonesia bersempena dengan Hari Kemerdekaan Republik Indonesia yang Ke-80 Tahun.



Berita Utama



YDP MMN adakan kunjungan hormat, perjumpaan

Muka 14



MEMPERSIAPKAN belia dengan acuan berkualiti berpandukan Al-Quran, As-Sunnah

Muka 15



MEMBANTERAS jenayah pemerdagangan orang secara Whole of Nation Approach

Muka 19



INFO Teknologi

MENJELAJAHI kuasa analitik data

Muka 27

UBD perlu tumbuh bersama masyarakat sesuaikan diri dengan arus perubahan

Assalamu'alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,
Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa
Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu'
Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen,
Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa
Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du

BETA bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua, dapatlah kita bersama-sama hadir di Majlis Konvokesyen Kali Ke-37 Universiti Brunei Darussalam (UBD) pada pagi ini.

Beta dengan ikhlas mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada para graduan kerana berjaya menamatkan pengajian dalam bidang masing-masing. Kejayaan ini tidak datang bergolek, sebaliknya hasil dari usaha para graduan dan sokongan padu para ibu bapa dan penjaga di sepanjang tempoh pengajian di UBD.

Semenjak penubuhannya pada tahun 1985, UBD telah berdiri teguh sebagai tunggal pendidikan tinggi negara, melahirkan ribuan para graduan dan telah meneroka pelbagai penemuan ilmu baharu.

Ulang Tahun UBD Ke-40 ini mencerminkan komitmen berterusan dalam pembangunan pendidikan negara. Pada setiap tahun, UBD terus berjaya melahirkan graduan yang relevan, berdaya saing dan berkualiti. Maka sehubungan itu, beta ingin menyeru supaya Institusi Pengajian Tinggi di negara ini terus melangkah ke hadapan menjana kapasiti tenaga intelek yang lebih matang, khusus dalam bidang penyelidikan.

Beta berharap, nilai-nilai Islam serta warisan bangsa akan terus menjadi paksi kepada arah tuju UBD. Sesungguhnya kekuatan UBD tidak hanya terletak pada nama atau gagasannya tetapi lebih utama ialah semangat dan sumbangannya kepada negara mesti berkekalan. Jika ini ada dan terus menyerlah, maka itulah tanda UBD berkualiti.

Beta ingin melihat UBD akan terus mendekati masyarakat, suka mendengar suara mereka dan memahami keperluan bersama. Sesungguhnya sebuah universiti yang hebat bukan hanya pandai mencipta nama tetapi juga tumbuh bersama masyarakat dan mampu pula menyesuaikan diri dengan arus perubahan.

Menyentuh komuniti pelajar, beta juga mengambil maklum akan usaha UBD memperkenalkan kurikulum baharu bagi memperkukuhkan lagi pembangunan graduan cemerlang iaitu individu yang bukan sahaja berilmu, tetapi juga bersedia untuk menghadapi apa jua cabaran. Kurikulum baharu yang dipanggil 'Gen.B.E.S.T.A.R.I.' yang akan mula dilaksanakan pada September 2026 adalah merupakan satu langkah penting, dengan penekanan yang lebih seimbang antara pencapaian akademik dan pembangunan kemahiran insan atau *soft skills*. Dalam era yang semakin dipengaruhi oleh Kecerdasan Buatan (AI), kemahiran seperti kepimpinan, komunikasi, pemikiran kritikal dan kebolehsuaian adalah menjadi kunci utama kepada peningkatan daya saing dan kebolehpasaran graduan.

Alhamdulillah, beta juga gembira mengetahui penubuhan 'UBD Sustainability Living Lab' yang merupakan platform inovatif



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah sempena Majlis Konvokesyen Universiti Brunei Darussalam (UBD) Ke-37 pada Rabu, 19 Safar 1447 Hijrah bersamaan 13 Ogos 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Canselor UBD.

yang strategik dalam menangani cabaran yang dihadapi oleh masyarakat dan industri. Beta yakin inisiatif seperti ini akan memperkukuhkan lagi UBD sebagai hab ilmu dan rujukan utama dalam bidang

penyelidikan dan pengetahuan, serta menjadikan UBD kekal relevan bagi keperluan masyarakat dan industri.

>> Muka 14

WAKTU SEMBAHYANG										
OGOS MASIHI	HARI	SAFAR HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
18	ISNIN	24	4.47	4.57	6.16	6.39	12.25	3.40	6.32	7.43
19	SELASA	25	4.47	4.57	6.16	6.39	12.25	3.39	6.32	7.43
20	RABU	26	4.47	4.57	6.16	6.39	12.25	3.38	6.31	7.42
21	KHAMIS	27	4.47	4.57	6.16	6.39	12.25	3.37	6.31	7.42
22	JUMAAT	28	4.47	4.57	6.16	6.38	12.24	3.37	6.31	7.41
23	SABTU	29	4.47	4.57	6.16	6.38	12.24	3.36	6.30	7.41
24	AHAD	30	4.47	4.57	6.15	6.38	12.24	3.35	6.30	7.40

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
ISNIN			
Bandar Seri Begawan			
33 25 °C		33 25 °C	
Pekan Bangar			
33 24 °C		33 23 °C	
Pekan Tutong			
33 24 °C		32 24 °C	
Kuala Belait			
33 25 °C		31 24 °C	

Wallahuallah Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG 18 OGOS 2025

Urus hutang dengan bijak

DALAM era globalisasi yang serba moden ini, adalah penting bagi setiap individu untuk secara konsisten menimba pelbagai ilmu agar terus maju dan membangun seiring dengan zaman. Salah satu ilmu yang sangat penting adalah ilmu dalam bidang pengurusan kewangan. Bidang ini sangat luas dan sangat mustahak untuk dipelajari agar kita peka dan celik tentang kewangan. Pengurusan kewangan ini meliputi tentang cara berbelanja dan juga cara menguruskan hutang.

Menguruskan hutang dengan bijak dan teratur adalah penting agar kita tidak terjerumus dengan beban sepanjang hidup kita.

Namun begitu, kegagalan mengurus hutang secara berhemah boleh membawa kepada tekanan terhadap diri dan kesan negatif terhadap kesihatan mental. Oleh itu, pemahaman mendalam tentang konsep hutang, punca berlakunya hutang berlebihan serta strategi pengurusan yang berkesan adalah penting bagi memastikan kesejahteraan jangka panjang.

Dalam Siaran Akhbar Brunei Darussalam Central Bank baru-baru ini mengongsikan mengenai tip untuk mengurus hutang dengan bijak iaitu yang pertama adalah fahami hutang awda.

Seterusnya, senaraikan semua komitmen kewangan bulanan awda, termasuk jumlah bayaran, kadar faedah, dan tarikh akhir pembayaran. Mempunyai gambaran yang jelas tentang hutang awda membantu awda kekal mengawal, mengelakkan bayaran lewat dan membina tabiat kewangan yang kukuh untuk masa depan.

Manakala yang kedua, utamakan pembayaran balik iaitu pastikan awda mempunyai strategi yang jelas untuk membayar balik hutang awda. Salah satu pendekatan berkesan adalah mengutamakan hutang berkadar faedah tinggi terlebih dahulu, seperti kad kredit di mana dikenali sebagai kaedah longsor salji (*avalanche method*) yang bertujuan untuk mengurangkan jumlah faedah yang dibayar dari semasa ke semasa.

Ketiga ialah semak laporan kredit awda secara berkala. Biasakan diri untuk menyemak laporan kredit awda secara berkala. Ini membantu awda mengetahui status kesihatan kredit awda, mengesan sebarang kesilapan, dan memastikan awda tidak menjadi mangsa pencurian identiti.

Kemudian, keempat pula ialah dapatkan bantuan profesional. Jika awda berasa terbeban, pertimbangkan untuk bercakap dengan pihak bank atau perancang kewangan yang bertauliah dan diperakui daripada Financial Planning Association of Brunei Darussalam (FPAB) untuk menangani isu-isu ini.

Oleh itu, pengurusan hutang yang bijak bukan sahaja memerlukan pengetahuan, tetapi juga komitmen dan disiplin diri. Ia bukan semata-mata tentang membayar hutang, tetapi juga tentang merancang masa depan kewangan secara menyeluruh agar kestabilan kewangan dapat dicapai. – **Ketua Penyuntingan (Kr)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunel@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelita.brunel.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتري دان دچیتق اوله قرینت قلس سندیرین برحد، نگارابرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

KOMITED MEMPERKASA BELIA DENGAN MENYEDIAKAN PERSEKITARAN KONDUSIF

>> Muka 1

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menjelaskan, inisiatif ini diharapkan akan dapat merangsang pertumbuhan dan perkembangan perusahaan belia tempatan dan menjadi teladan kepada institusi-institusi kewangan lain ke arah memudah cara penglibatan lebih ramai para usahawan belia.

"Beta menaruh harapan yang tinggi bagi inisiatif ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh golongan belia di negara ini dalam sama-sama meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara.

"Beta turut menaruh keyakinan dengan adanya bimbingan serta dukungan yang padu dari pihak-pihak yang berkenaan, para usahawan belia kita akan mampu menyerlah bukan saja di peringkat kebangsaan malah peringkat antarabangsa," titah baginda lagi.

Terdahulu itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah generasi belia masa kini memiliki semangat dan potensi kepimpinan yang tinggi.

Titah baginda lagi, transformasi positif yang ditunjukkan oleh golongan belia memberi gambaran jelas bahawa mereka sanggup menggalas tanggungjawab yang berat selaku pemimpin dan perkara ini penting dalam merealisasikan aspirasi Wawasan Brunei 2035.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga bertitah, kerajaan baginda sentiasa komited dalam memperkasa belia dan menyediakan persekitaran yang kondusif untuk mereka berkembang.

Bagi mencapai Wawasan Brunei 2035 yang semakin mendekat titah baginda, para belia turut memainkan peranan penting sebagai Pemacu Transformasi Ekonomi.

Kebawah DYMM juga gembira



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-20, Tahun 2025 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

melihat terdapatnya perubahan *mindset* dalam kalangan belia di mana belia sekarang sudah berani beralih daripada pencari kerja kepada pencipta peluang pekerjaan, dengan meneroka bidang keusahawanan dan

perniagaan.

"Dalam bidang keusahawanan, beta sedia menyedari bahawa antara cabaran utama yang dihadapi ialah kesukaran mendapatkan pinjaman kewangan (*access to funding*)

bagi memulakan perniagaan.

"Situasi ini lebih dirasakan oleh golongan belia yang tidak mempunyai rekod prestasi perniagaan dan sumber cagaran (*collateral*)," titah baginda lagi.

Memperkukuh jati diri belia melalui ilmu ugama, nilai MIB

BERAKAS, Sabtu, 16 Ogos. - Para belia sendiri wajar diseru untuk memperkukuh jati diri melalui ilmu ugama serta nilai Melayu Islam Beraja (MIB) demi mempertahankan masa depan yang cemerlang dan bermartabat.

Belia juga wajar diseru supaya sedia bekerjasama dengan semua golongan masyarakat termasuk warga emas demi sama-sama mencorakkan masa depan negara yang harmoni.

Demikian titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah

ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-20, Tahun 2025 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Terdahulu itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah menzahirkan kebimbangan terhadap Eksploitasi Golongan Belia oleh

sindiket-sindiket jenayah yang menawarkan ganjaran lumayan.

Baginda difahamkan adanya penglibatan beberapa belia tempatan dalam kegiatan penyeludupan dadah rentas sempadan yang didalangi oleh kumpulan pengedaran dadah antarabangsa.

Dalam titah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga amat prihatin akan perkembangan di negara jiran di mana terdapat sebilangan golongan belia yang menjadi mangsa sindiket penipuan pekerjaan di luar negara.

Gejala ini titah baginda, bukan sahaja mengancam masa depan

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohd. Sahrizal Haji Said, Mohammad Hasif Matzin, Pg. Muhammad Kamarularifin Pg. Roslan, Shahwal Ibrahim Tajudin

belia tetapi juga keselamatan dan keharmonian masyarakat.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya bertitah menekankan usaha membanteras sindiket berkenaan wajar diperkukuh melalui pendekatan menyeluruh, meliputi pendidikan serta kesedaran, penguatkuasaan undang-undang dan sokongan para komuniti.

"Akhirnya, bersempena Sambutan Hari Belia

Kebangsaan ini, beta tidak lupa mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua golongan belia di negara ini atas komitmen mereka untuk sama-sama membangun dan memajukan negara.

"Beta amat menghargai segala usaha dan sumbangan golongan belia dalam pelbagai bidang.

"Sesungguhnya, belia adalah tonggak harapan bagi masa depan yang gemilang," titah baginda lagi.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-20, Tahun 2025.

BERKENAN BERANGKAT KE MAJLIS SAMBUTAN HBK KE-20

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Mohammad Hatral
Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohd. Sahrizal Haji Said,
Mohammad Hasif Matzin, Pg. Muhammad Kamarularifin
Pg. Roslan, Shahwal Ibrahim Tajudin



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta paduka-paduka anakanda dan adinda baginda berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan (HBK) Ke-20, Tahun 2025 di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas (kiri dan atas).

BERAKAS, Sabtu, 16 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan (HBK) Ke-20, Tahun 2025 di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, pagi

tadi.

Berangkat sama pada majlis sambutan tersebut ialah paduka-paduka anakanda dan adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM); Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul

Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji

Awang Mohamad selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan HBK Ke-20, Tahun 2025 dan Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunus selaku Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan HBK Ke-20, Tahun 2025 dan Ahli-ahli

Jawatankuasa Tertinggi yang lain.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat dipimpin oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

>> Muka 5



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan anugerah kepada penerima Anugerah Belia Berkhidmat 2025 kepada Dayang Nurul Izyan binti Anver, Anugerah Pemimpin Muda Belia 2025 kepada Dayang Sharifah Adila Surya binti Malai Haji Abdullah dan Anugerah Projek Cemerlang Untuk Belia kepada Jiwa Senja (atas, atas kanan dan kanan). Sementara gambar bawah, antara yang hadir pada sambutan tersebut.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta paduka-paduka anakanda dan adinda baginda berkenan menadah tangan ketika bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat dipimpin oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan.

>> Muka 4

Majlis diteruskan dengan sembah alu-aluan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan HBK Ke-20, Tahun 2025.

Pada majlis tersebut juga, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan Ikrar Belia yang dibacakan oleh seramai 100 belia yang mempunyai pencapaian dalam pelbagai bidang, termasuk empat belia Kelainan Upaya.

Bacaan Ikrar Belia diketuai oleh Pembaca Utama, mahasiswa Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Sarjana Muda Undang-Undang dan Sarjana Muda Undang-Undang Syariah, Awang Ahmad Danieel bin Abdul Haniff. Majlis disusuli dengan tayangan video inspirasi yang memaparkan kejayaan belia daripada pelbagai bidang yang berkonsepkan fiksyen digital.

Video ini memaparkan peranan belia dalam merealisasikan

Wawasan Brunei 2035 melalui kerjasama bersepadu bersama komuniti dan agensi. Dengan perpaduan sebagai asas, disokong iltizam dan jati diri kebangsaan, mereka berganding bahu menangani cabaran digital

demi kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara. Turut menyerikan majlis, persembahan belia berbentuk doa yang direka khas untuk kesejahteraan raja dan negara.

Persembahan ini sebagai

wadah untuk melahirkan rasa syukur dan taat setia generasi belia kepada pemimpin negara, di samping menjadi simbol perpaduan dan semangat patriotisme dalam mendoakan keberkatan, keamanan dan kemakmuran tanah air yang tercinta.

Acara kemuncak sambutan

ialah penyampaian Anugerah HBK Ke-20, Tahun 2025 dalam tiga kategori iaitu Belia Berkhidmat, Pemimpin Muda Belia dan Projek Cemerlang Untuk Belia yang berkenan disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

>> Muka 6



IKRAR Belia yang dibacakan oleh seramai 100 belia yang mempunyai pencapaian dalam pelbagai bidang, termasuk empat belia Kelainan Upaya (kanan), manakala gambar atas, bacaan Ikrar Belia diketuai oleh Pembaca Utama, mahasiswa Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Sarjana Muda Undang-Undang dan Sarjana Muda Undang-Undang Syariah, Awang Ahmad Danieel bin Abdul Haniff. Manakala gambar bawah kiri, persembahan belia berbentuk doa yang direka khas untuk kesejahteraan raja dan negara. Gambar bawah kanan pula, antara yang hadir pada majlis berkenaan.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta paduka-paduka anakanda dan adinda baginda dijunjung bergambar ramai bersama para penerima anugerah.

>> Muka 5

Penerima Anugerah Belia Berkhidmat 2025 dianugerahkan kepada Dayang Nurul Izyan binti Anver dengan menerima sebuah trofi, sebidang Kain Bertabur

Bunga Permata Bangsa, sijil penghargaan dan wang tunai sebanyak BND3,000 dan Pakej Percutian ke Kuala Lumpur, Malaysia sumbangan dari Balurih Travel Sdn. Bhd. Anugerah Pemimpin Muda

Belia 2025 pula diberikan kepada Dayang Sharifah Adila Surya binti Malai Haji Abdullah dengan menerima sebuah trofi, sebidang Kain Jong Sarat Bunga Kebahagiaan, sijil penghargaan dan wang tunai sebanyak

BND3,000 dan Pakej Percutian ke Istanbul, Turkiye sumbangan dari Balurih Travel Sdn. Bhd. Penerima ini merupakan seorang pemimpin muda dan advokat yang aktif memperjuangkan kebajikan golongan Orang

Kelainan Upaya, khususnya komuniti autisme.

Manakala Anugerah Projek Cemerlang Untuk Belia dianugerahkan kepada Jiwa Senja yang menerima sebuah trofi, sijil penghargaan dan wang tunai bagi perkembangan dan pembangunan projek sebanyak BND3,500 dan sumbangan wang tunai sebanyak BND500 dari Al-Nur Boutique. Projek ini merupakan untuk meringankan beban sistem kesihatan mental negara dengan menyediakan latihan *peer supporters* yang efektif dan mampu milik.

Kajian menunjukkan sebanyak 85 peratus individu tidak memerlukan pakar kesihatan mental tetapi cukup hanya dengan adanya *peer support* yang sekali gus membuktikan keberkesanan projek ini.

Projek ini meraih pengiktirafan antarabangsa, termasuk gelaran 'Penceramah Terbaik' di Simposium United Kingdom pada tahun 2019 dan menjadi rujukan di peringkat ASEAN-Australia. Dengan disokong oleh agensi kerajaan dan swasta, projek ini berperanan penting dalam membina masyarakat yang sihat mental, berdaya tahan dan produktif.

>> Muka 7



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan mendengarkan sembah penerangan (kiri), manakala gambar kanan, baginda berkenan menandatangani Lembaran Kenangan.



KEBAWAH DYMM berkenan berbual mesra dan seterusnya melawat pameran (kiri sekali dan kiri).



>> Muka 6

Kebawah DYMM berserta kerabat diraja kemudiannya dijunjung berangkat menyaksikan Pameran HBK di Ruang Legar pusat berkenaan

yang melibatkan penyertaan sejumlah 20 pameran yang dibahagikan kepada empat kluster iaitu Kluster Pertama : Modal Insan / Generasi Profesional; Kluster Kedua : Ekspresi Kreatif dan Budaya;

Kluster Ketiga : Teknovasi dan akhir sekali, Kluster Keempat : Sejahtera (Sosial, Kesihatan dan Sejahtera).

Baginda seterusnya dijunjung bagi menandatangani Lembaran Kenangan dan berkenan menerima pesambah daripada Jawatankuasa Tertinggi Sambutan HBK Ke-20, Tahun 2025.

Setelah itu, baginda berserta kerabat diraja dijunjung bagi Majlis Santap. Sebelum berangkat meninggalkan majlis, baginda dan kerabat diraja dijunjung bagi sesi bergambar kenangan.

Tema Sambutan HBK Ke-20 pada tahun ini masih dikekalkan

KEBAWAH DYMM berkenan mendengarkan sembah penerangan dan seterusnya menandatangani Lembaran Kenangan (kiri dan kanan). Manakala gambar bawah kiri dan bawah kanan, sekitar keberangkatan baginda ke majlis berkenaan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan bercemar duli pada majlis berkenan (kiri dan atas).

seperti tahun 2019, 2020, 2021, 2022, 2023 dan 2024 iaitu 'Belia Siaga Masa Depan'.

Belia adalah tonggak utama negara dalam menentukan hala tuju dan kemajuan negara pada masa hadapan. Komitmen dalam mempersiapkan diri belia dengan 'acuan' yang berkualiti adalah penting untuk melahirkan belia yang cemerlang. 'Belia Siaga Masa Depan' membawa mesej utama bahawa generasi muda perlu bersedia dan berdaya tahan dalam menghadapi cabaran dunia yang semakin berkembang.

Antara fokus utama bagi HBK tahun ini ialah ekonomi dan keperluan pekerjaan masa depan, belia perlu bersedia untuk meningkatkan kemahiran agar sentiasa relevan dan sejajar bagi keperluan pekerjaan pada masa depan dan kepekaan sosial serta inklusif, belia yang siaga masa depan ialah mereka yang cakna terhadap komuniti, peka terhadap isu sosial dan mampu memacu perubahan yang inklusif.

>> Muka 8





KEBAWAHA DYMM bersama paduka-paduka anakanda dan adinda baginda berkenan beramah mesra pada Sambutan HBK Ke-20, Tahun 2025 (atas dan kiri).

>> Muka 7

Keterlibatan belia dalam masyarakat dan kepimpinan serta daya tahan, belia bukan sekadar pengikut, mereka adalah pemimpin yang perlu diasuh dengan nilai integriti, empati dan kecekalan mental.

HBK jatuh pada 1 Ogos setiap

tahun di mana para belia di negara ini berkumpul dengan tujuan yang bermakna. Pengisytiharan Hari Belia oleh Kebawah DYMM bagi 1 Ogos dijadikan sebagai HBK adalah satu pengiktirafan dan penghargaan terhadap pergerakan belia di negara ini.

Dalam usaha membangun belia di negara ini, Kerajaan Kebawah DYMM sentiasa memberikan perhatian yang penuh melalui penyediaan berterusan program-program pembangunan kapasiti, kemudahan-kemudahan prasarana dan bantuan fizikal dan

fiskal.

Selain daripada itu, HBK juga merupakan wadah kepada para belia untuk mengadakan perjumpaan khusus bagi menghargai sumbangan dalam pembangunan belia.

Objektif Sambutan HBK adalah untuk memberikan pengiktirafan

dan penghargaan kepada para belia, di samping membarigakan kejayaan dan memartabatkan para belia negara serta dapat membangun potensi belia dalam pelbagai bidang. Ia juga sebagai platform untuk memacu transformasi belia ke arah pembangunan potensi.

Menyemarakkan semangat kolaboratif, serlahkan potensi kreativiti belia

Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohd. Sahrizal Haji Said, Mohammad Hasif Matzin, Pg. Muhammad Kamarularifin Pg. Roslan, Shahwal Ibrahim Tajudin

BERAKAS, Sabtu, 16 Ogos. - Sambutan tahun ini bukan sekadar meraikan golongan belia tetapi juga memperingati dua dekad sumbangan, pengorbanan dan perjuangan generasi muda dalam mencorakkan dan mempercepat rentak pembangunan negara.

Peringatan bersejarah ini juga melambangkan iltizam jitu kerajaan dalam memperkasa golongan belia sebagai tonggak utama pembangunan negara, sekali gus mencerminkan kesinambungan dasar serta komitmen berterusan dalam membina generasi masa depan yang berwibawa, berdaya tahan dan berpandangan jauh.

Sambutan Hari Belia Kebangsaan (HBK) Ke-20, Tahun 2025 ini turut mencerminkan aspirasi murni negara untuk melahirkan generasi muda yang berilmu, berakhlak mulia, celik digital dan berketerampilan, berteraskan ajaran Islam sebagai pedoman hidup, tunjang nilai dan teras akhlak.

Sebagai nadi masa depan negara, belia perlu dibentuk dan diperkasa agar sentiasa bersiap siaga, cemerlang dan berdaya saing, selaras dengan wawasan dan matlamat Dasar Belia Negara dan Strategi 2020-2035.

Demikian antara sembah alu-aluan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad pada Sambutan HBK Ke-20, Tahun 2025 yang berlangsung di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, pagi

tadi.

Dalam sembah alu-aluan, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan juga menjelaskan bahawa tema Sambutan HBK pada tahun ini masih mengekalkan tema 'Belia Siaga Masa Depan', memandangkan ia masih relevan dalam menyatakan peri pentingnya golongan belia sebagai pemacu utama dalam mencorak hala tuju dan kemajuan negara pada masa hadapan.

"Dalam mendepani landskap global yang semakin kompleks dan mencabar, pihak kerajaan akan sentiasa komited menyediakan ekosistem sokongan yang inklusif dan progresif bagi memperkasa golongan belia agar terus berkembang, menyumbang dan berperanan aktif sebagai pemimpin masyarakat dan negara.

"Hamba Kebawah Duli Tuan Patik sukacita seterusnya menyebarkan bahawa konsep Pameran Sambutan HBK pada tahun ini adalah tertumpu kepada konsep 'Belia Dinamik' yang menyerlahkan ekspresi dan transformasi belia.

"Pameran HBK tahun ini akan melibatkan penyertaan sejumlah 20 organisasi yang terdiri daripada agensi-agensi kerajaan, usahawan belia dan rakan-rakan strategik yang akan mempamerkan inisiatif, program serta projek masing-masing yang mendukung ke arah sumber pembangunan ekonomi belia di negara ini berdasarkan empat kluster utama iaitu Modal Insan,

Ekspresi Kreatif dan Budaya, Teknovasi dan Sejahtera," sembah Yang Berhormat lagi.

Pada Sambutan HBK tahun ini, sembah Yang Berhormat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) memperkenalkan inisiatif khas iaitu Festival HBK dan #Next20 Movement sebagai platform strategik dalam menganjurkan pelbagai program dan aktiviti khusus bagi menyemarakkan semangat kolaboratif, menyerlahkan potensi kreativiti belia dan memupuk rasa pemilihan bersama terhadap Sambutan Hari Belia sebagai manifestasi yang dinamik.

"Alhamdulillah, pada tahun ini, sebanyak empat kategori anugerah telah dinilai iaitu Anugerah Belia Cemerlang; Anugerah Belia Berkhidmat; Anugerah Pemimpin Muda Belia dan Anugerah Projek Cemerlang untuk Belia.

"Syabas dan tahniah kepada penerima-penerima anugerah dan Hamba Kebawah Duli Tuan Patik penuh berharap agar pengurniaan anugerah ini akan

dapat menjadi sumber inspirasi kepada belia-belia yang lainnya untuk melibatkan diri sama ada secara persendirian atau berpersatuan dan seterusnya terus aktif memberikan sumbangan secara berterusan demi pembangunan belia dan masyarakat di negara ini," sembah Yang Berhormat.

Terdahulu dalam sembah, Yang Berhormat menyebarkan setinggi-tinggi menjunjung kasih atas keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat diraja.

"Keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patik ke sambutan ini menzahirkan keprihatinan berterusan Kebawah Duli Tuan Patik terhadap pembangunan belia dan menjadi inspirasi kepada golongan muda untuk terus bergiat aktif dalam mendukung pelaksanaan Dasar Belia Negara dan Strategi



SEMBAH alu-aluan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

2020-2035 dan mencapai Wawasan Brunei 2035," sembah Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan lagi.



ANTARA yang hadir ke Sambutan HBK Ke-20, Tahun 2025.

PAMERAN HBK MEMBENTUK BELIA BERDAYA TAHAN, BERPENGETAHUAN, BERSEDIA

Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Haji Jaya
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohd. Sahrizal Haji Said, Mohammad Hasif Matzin, Pg. Muhammad Kamarularifin Pg. Roslan, Shahwal Ibrahim Tajudin



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka-paduka anakanda dan adinda baginda berkenan berangkat menyaksikan Pameran Sambutan Hari Belia Kebangsaan (HBK) Ke-20, Tahun 2025 (atas dan kanan).

BERAKAS, Sabtu, 16 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka-paduka anakanda dan adinda baginda berkenan berangkat dan menyaksikan pameran pada Majlis Sambutan

Hari Belia Kebangsaan (HBK) Ke-20, Tahun 2025 yang diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, pagi tadi.

Pada tahun ini, Sambutan HBK Ke-20 membawakan tema yang masih dikekalkan sebagaimana tahun yang sebelumnya iaitu 'Belia Siaga Masa Depan'.

Konsep pameran pada tahun ini berlandaskan gagasan 'Belia Dinamik' yang menzahirkan belia



sebagai generasi aktif, progresif dan adaptif terhadap perubahan zaman, memiliki kepimpinan berwawasan serta berperanan sebagai ejen perubahan dalam pembangunan negara melalui bidang keusahawanan, teknologi, kesukarelawanan, kesenian, sukan dan inovasi sosial.

Pameran ini sekali gus menjadi wadah untuk memperlihatkan

kejayaan serta sumbangan belia dalam pelbagai bidang dan seterusnya menginspirasi generasi muda Brunei menuju masa depan yang lebih gemilang.

Selain itu, 'Kepekaan Sosial dan Inklusif' yang mana belia yang siaga masa depan ialah mereka yang cakna terhadap komuniti, peka terhadap isu

sosial, mampu memacu perubahan yang inklusif dan keterlibatan belia dalam masyarakat dan 'Kepimpinan dan Daya Tahan' di mana belia bukan sekadar pengikut, mereka adalah pemimpin yang perlu diasuh dengan nilai integriti, empati dan kecekalan mental.

>> Muka 10



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mendengarkan sembah penerangan serta menyaksikan lebih dekat Pameran Sambutan HBK Ke-20, Tahun 2025 (atas kiri, atas kanan, kiri dan kanan).





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mendengarkan sembah penerangan pada majlis tersebut (kiri dan kanan).

>> Muka 9

Sebanyak 20 buah pameran sempena Sambutan HBK untuk kali ini yang mengetengahkan empat kluster utama iaitu Pertama : Kluster Modal Insan atau Generasi Profesional memfokuskan kepada pembangunan kemahiran abad ke-21 bagi melahirkan belia berpengetahuan dan berdaya

saing. Dalam kluster ini, pameran juga turut memfokuskan kemahiran teknikal, digital dan vokasional para belia negara.

Kedua : Kluster Ekspresi Kreatif dan Budaya pula menampilkan karya dan hasil belia dalam bidang seni, reka bentuk, kandungan digital dan perfileman. Dalam erti kata yang lain, kluster ini mempamerkan seni, reka bentuk, muzik dan

kandungan digital dan perfileman yang setentunya telah dihasilkan oleh belia-belia tempatan yang hebat.

Seterusnya, Ketiga : Kluster Teknografi memberi perhatian kepada transformasi ekonomi melalui keusahawanan teknologi dan agro iaitu di dalam pameran ini, ia mempamerkan Start-Up dan Aplikasi Pintar, Fintech dan Teknologi Kewangan, EduTech

dan Pembelajaran Digital, Teknologi Sosial dan Komuniti serta Inovasi Produk Pintar.

Manakala Keempat iaitu kluster yang terakhir : Kluster Kesejahteraan (Sosial, Kesihatan dan Sejahtera) menekankan inisiatif belia dalam aspek sosial, kesihatan dan alam sekitar. Dalam erti kata yang lain, pameran ini memfokuskan kepada keagamaan, sosial,

sektor kesihatan (kecergasan dan pemakanan), teknologi hijau dan pintar serta pembangunan mampan.

Turut diperkenalkan ialah Program Biz Belia, hasil kerjasama Bank Usahawan dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) yang menyediakan sokongan pembiayaan berjumlah BND1,000 hingga BND5,000 kepada usahawan muda tempatan berumur 18 hingga 35 tahun. Program ini bukan sekadar menyediakan pembiayaan, malah menjadi batu loncatan untuk meraih ilmu pengetahuan dan memperkasa perniagaan belia ke arah yang lebih mampan.

>> Muka 11



SEKITAR keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan paduka anakanda baginda ke pameran bersempena HBK Ke-20, Tahun 2025 yang diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas (kiri sekali, kiri, bawah kiri dan bawah kanan).





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda serta adinda baginda berkenan bergambar ramai.

>> Muka 10

Inisiatif KKBS melalui pelbagai agensi di bawahnya mempamerkan pelbagai program dan usaha strategik bagi memperkukuh pembangunan belia negara antaranya 'Pembangunan Belia dan Sukan'

iaitu memberikan fokus kepada perancangan dan pelaksanaan program yang menyeluruh bagi pembangunan potensi belia serta kemajuan sektor sukan di semua peringkat. Kemudian, Jabatan Belia dan Sukan pula memacu pelaksanaan program pembangunan bakat,

kemahiran dan kepimpinan belia dan Bahagian Khidmat Bakti Negara (BKBN), menggalakkan semangat sukarelawan, disiplin dan jati diri dalam kalangan belia melalui penglibatan aktif dalam aktiviti komuniti serta Pusat Pembangunan Belia

(PPB) telah menyediakan latihan kemahiran teknikal, vokasional dan profesional untuk meningkatkan daya saing belia di pasaran kerja. Manakala Outward Bound Brunei Darussalam (OBBD), membentuk ketahanan fizikal,

mental dan kepimpinan belia melalui program pembangunan diri berasaskan pengembaraan dan aktiviti luar.

Sambutan HBK Ke-20 turut disokong oleh beberapa rakan strategik antaranya Laksamana College of Business, Inisiatif Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee, Balurih Travel Sdn. Bhd., Imagine Sdn. Bhd. serta Bravo Studios.

Penglibatan rakan strategik ini dapat menyerlahkan kerjasama pelbagai sektor dalam memperkukuh peranan belia sebagai ejen perubahan positif yang mampu memberi impak di peringkat nasional mahupun global.

Dengan pelbagai inisiatif yang diketengahkan, Sambutan HBK Ke-20 bukan sekadar acara tahunan, tetapi menjadi platform dinamik untuk membentuk belia berdaya tahan, berpengetahuan dan bersedia menghadapi cabaran dunia, seiring dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan paduka anakanda baginda ketika berkenan beramah mesra dan melihat lebih dekat pameran pada majlis tersebut (atas, kanan, bawah kiri dan bawah kanan).



DPMM FC BERJAYA TUMPASKAN KUCHING CITY FC, 3-2



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berangkat menyaksikan perlawanan berkenaan. Turut berangkat, paduka adinda dan anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota (atas dan atas kanan).

BERAKAS, Sabtu, 16 Ogos. - DPMM FC berjaya menumpaskan Kuching City FC dengan keputusan 3 - 2 dalam aksi Piala FA Malaysia 2025 yang diadakan di Stadium Negara Hassanal Bolkiah (SNHB), malam tadi.

Berangkat menyaksikan perlawanan berkenaan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman.

Berangkat sama ialah paduka

adinda dan anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, iaitu Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah.

Menjunjung keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad.

Pada babak pertama, gol pertama Muhammad Azwan Ali Rahman pada minit ke-5 memberi kelebihan kepada DPMM FC akan tetapi jaringan buat Kuching City FC menerusi Wanja Ronald Ngah sebelum waktu rehat pada minit ke-43 mengikat kedudukan 1 - 1.

Sementara pada babak kedua pula, perlawanan berlangsung sengit dengan dua gol tercipta dalam tempoh singkat. James Onyekachukwu Okwuosa menjaringkan gol kedua pada minit ke-47 untuk Kuching City FC, namun Miguel Angelo Agostinho Oliveira segera membalas bagi DPMM FC dua minit kemudian menjadikan kedudukan 2 - 2.

Gol kemenangan akhirnya hadir pada minit ke-79 apabila Jordan David Murray menjaringkan gol ketiga buat DPMM FC, menjadikan keputusan kekal 3 - 2 hingga wisel penamat dibunyikan.

Ketua Jurulatih DPMM FC, Jamie McAllister berkata, beliau gembira dengan kemenangan tersebut dan memuji semangat tinggi yang ditunjukkan oleh para pemain.

"Bagi saya, keseluruhan pasukan adalah pemain terbaik perlawanan dan kemenangan ini memberikan kami keyakinan," katanya semasa Sidang Media yang berlangsung sejurus selepas perlawanan berkenaan.

Walau bagaimanapun tambahnya lagi, mereka akan menilai semula prestasi mereka dalam perlawanan tersebut memandangkan liga berkenaan memang sukar dan pasukannya masih baharu dalam liga tersebut.

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



Jamie McAllister turut menzahirkan penghargaan kepada para penyokong DPMM FC yang hadir ke stadium.

"Sokongan mereka memberikan tenaga tambahan kepada para pemain dan kami amat berterima kasih atas sokongan padu mereka," ujarnya lagi.

Sementara itu, Jurulatih Kuching City FC, Aidil Sharin Sahak pula berkata, perkara paling penting bagi pasukannya ialah belajar daripada kesilapan kerana setiap perlawanan memberi pengajaran walaupun ketika pasukan mencatat kemenangan.

"Saingan masih belum berakhir dan kami masih ada perlawanan di tempat sendiri nanti. Dengan kehadiran serta semangat padu daripada penyokong, saya yakin, kami mampu bangkit," katanya.

Tambahnya lagi, Kuching City FC kini memberi tumpuan kepada pertemuan seterusnya menentang JDT FC, salah sebuah pasukan terkuat dalam liga.

"Kami perlu menetapkan semula fokus, *recover* dan membuat persediaan.

"Kami ingin memastikan mata dapat diraih semasa bermain di tempat sendiri," ujarnya lagi.



DPMM FC berjaya menumpaskan Kuching City FC dengan keputusan 3 - 2 dalam aksi Piala FA Malaysia 2025 (kanan, bawah kiri dan kiri). Manakala gambar bawah kanan, antara yang hadir memberi sokongan.



DPMM FC MENANG BERGAYA

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohammad Hasif Matzin, Pg. Muhammad Kamarularifin
Pg. Roslan



JERUDONG, Ahad, 17 Ogos. - DPMM FC menang bergaya setelah berjaya menewaskan Panchor Murai FC dengan keputusan 3 - 0 pada Siri Perlawanan Liga Belia Brunei Musim 2025 / 2026 bagi Kategori Bawah 18 Tahun (U18) berlangsung di Stadium Mini Jerudong Park, malam tadi.

Turut berkenan menyertai DPMM FC ialah Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul

Muntaqim ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, selaku Ketua Pasukan.

Pada perlawanan tersebut, gol pertama bagi DPMM FC di jaringan oleh Muhammad Abu Bakar pada minit ke-32 dan sekali lagi, Muhammad Abu Bakar seakan meningkatkan lagi semangat pasukannya apabila berjaya menjaringkan lagi gol

pada minit ke-39 sekali gus menyaksikan DPMM FC berjaya mengawal rentak permainan dengan begitu bijak.

Kemudian, pada babak kedua perlawanan pula menyaksikan kedua-dua pasukan saling berbalas-balas serangan namun nasib lebih menyebelahi DPMM FC apabila pemain Md. Harith Aqil Azaman berjaya menjaringkan gol ke-3 DPMM FC pada minit ke-54.

Walaupun Panchor Murai FC cuba untuk menjaringkan sebarang gol namun benteng pertahanan DPMM FC terus gah melawan rentak permainan Panchor Murai FC di mana keputusan jaringan 3 - 0 kekal sehingga pengadil meniupkan wisel penamat.

YANG Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah turut berkenan menyertai DPMM FC selaku Ketua Pasukan (kiri). Manakala gambar bawah kiri, sebahagian daripada penonton yang hadir menyaksikan perlawanan tersebut dan gambar bawah kanan, antara aksi yang dipaparkan ketika berlangsungnya perlawanan tersebut.



Penyenaraian Tempat Kediaman akan berakhir pada 24 Ogos ini

Siaran Akhbar dan Infografik :
Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 16 Ogos. - Penyenaraian Tempat Kediaman (Houselisting) yang dikendalikan oleh Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES), Kementerian Kewangan dan Ekonomi akan berakhir pada 24 Ogos 2025.

Kajian Tenaga Kerja (KTK) 2025 dijalankan di bawah Akta Perangkaan, Penggal 81 dari Undang-undang Negara Brunei Darussalam.

JPES ingin memberikan jaminan kepada semua keluarga atau isi rumah terpilih yang mengambil bahagian dalam kajian berkenaan bahawa maklumat yang dikumpulkan akan disimpan sulit dan akan digunakan bagi keperluan perangkaan sahaja.

Menurut Seksyen 9 Akta Perangkaan, kegagalan atau keengganan untuk memberikan maklumat yang diperlukan atau memberikan maklumat palsu adalah menjadi satu kesalahan yang membawa hukuman denda sebanyak BND4,000.

Justeru itu, sokongan dan kerjasama semua keluarga atau isi rumah terpilih semasa Penyenaraian Tempat Kediaman

adalah sangat diharapkan bagi sama-sama menjayakan kajian berkenaan.

Sebarang pertanyaan mengenai Penyenaraian Tempat Kediaman berkenaan, bolehlah

dirujuk ke JPES melalui talian +673 7469844 (waktu pejabat) atau

e-mel info.statistics@jpes.gov.bn atau laman sesawang deps.mofe.gov.bn.

KAJIAN TENAGA KERJA 2025

PENYENARAIAN TEMPAT KEDIAMAN (HOUSELISTING) 4 - 24 OGOS 2025

Bagaimana Mengenal Pasti Pegawai Kajian

Pegawai Kajian yang dilantik oleh JPES boleh dikenal pasti melalui pas kajian, surat lantikan, kad pengenalan dan vest rasmi JPES.

info.statistics@jpes.gov.bn | statistics.jpes | https://deps.mofe.gov.bn

KAJIAN TENAGA KERJA 2025

PENYENARAIAN TEMPAT KEDIAMAN (HOUSELISTING) 4 - 24 OGOS 2025

Tujuan

- Untuk menghasilkan pangkalan data yang komprehensif dan terkini bagi kegunaan Kajian Tenaga Kerja (KTK) yang akan dijalankan pada 3 November hingga 30 November 2025.

Maklumat yang diperlukan

- Nama ketua keluarga/isirumah
- Jumlah ahli isirumah
- Alamat tempat kediaman
- Nombor telefon ketua keluarga/isirumah yang tinggal di rumah yang terpilih.

Peringatan

- Kajian Tenaga Kerja dijalankan di bawah **Akta Perangkaan, Penggal 81** dari Undang-Undang Negara Brunei Darussalam. Kegagalan atau keengganan untuk memberikan maklumat yang diperlukan atau memberikan maklumat palsu adalah menjadi satu kesalahan yang membawa hukuman denda sebanyak **BND4,000** di bawah Seksyen 9 Akta Perangkaan.

info.statistics@jpes.gov.bn | statistics.jpes | https://deps.mofe.gov.bn

YDP MMN ADAKAN KUNJUNGAN HORMAT, PERJUMPAAN



YANG Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN) semasa mengadakan kunjungan hormat bersama Ketua Dewan Perwakilan Rakyat Republik Indonesia (DPR RI), Yang Berhormat Dr. (H.C.) Puan Maharani (atas) dan Speaker of the Parliament of Singapore, Yang Berhormat Seah Kian Peng (atas dan bawah kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 16 Ogos. - Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib telah mengadakan kunjungan hormat bersama Speaker Parlimen daripada dua negara sahabat secara berasingan dan perjumpaan serta lawatan ke ASEAN Inter-Parliamentary Assembly (AIPA), yang mana merupakan antara program dalam rangka lawatan Yang Berhormat Yang Di-Pertua MMN ke Jakarta, Republik Indonesia bagi menghadiri Sidang Bersama (Joint Annual Session) di antara Dewan Perwakilan Rakyat Republik Indonesia (DPR RI) dan Dewan Perwakilan Daerah Republik Indonesia (DPD RI).

Semasa kunjungan hormat

bersama Ketua DPR RI, Yang Berhormat Dr. (H.C.) Puan Maharani, Yang Berhormat Yang Di-Pertua MMN mengesahkan semula hubungan rapat yang telah terjalin sejak sekian lama di antara kedua-dua buah negara dan berharap hubungan dua hala akan terus dapat diperkukuh melalui kerjasama dalam pelbagai bidang.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua MMN turut merakamkan ucapan penghargaan atas jemputan yang dihulurkan bagi menghadiri Sidang Bersama (Joint Annual Session) di antara DPR RI dan DPD RI serta ucapan setinggi-tinggi tahniah sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kemerdekaan Republik Indonesia Ke-80.

Kunjungan hormat berlangsung di Gedung Nusantara, Kompleks Parlimen, Jakarta, Republik

Indonesia, hari ini.

Sementara itu, Yang Berhormat Yang Di-Pertua MMN juga telah mengadakan kunjungan hormat bersama Speaker of the Parliament of Singapore, Yang Berhormat Seah Kian Peng.

Kedua-dua belah pihak mengesahkan semula hubungan rapat dan istimewa yang telah terjalin sejak sekian lama dan berharap hubungan dua hala akan terus diperkukuh, terutama sekali di antara kedua-dua buah badan perundangan menerusi kerjasama dan perkongsian pengalaman dalam bidang-bidang yang menjadi kepentingan bersama.

Kunjungan hormat berlangsung pada Jumaat, 15 Ogos 2025 di sebuah hotel di Jakarta, Republik Indonesia.

Turut hadir semasa kedua-dua kunjungan hormat tersebut ialah Jurutulis Majlis Mesyuarat Di-Raja, Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet dan Jurutulis MMN, Datin Paduka Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Huraiah dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Brigedier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Abdul Razak bin Haji Abdul Kadir.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat

Yang Berhormat Yang Di-Pertua MMN juga berkesempatan untuk mengadakan perjumpaan dan lawatan ke Sekretariat AIPA, yang diterima oleh Puan Yang Terutama Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

Semasa perjumpaan, Yang Berhormat Yang Di-Pertua MMN telah mendengarkan perkembangan-perkembangan AIPA serta persediaan-persediaan yang

berkaitan bagi Perhimpunan Agung AIPA Ke-46 yang akan diadakan pada bulan September nanti.

Juga hadir, Jurutulis Majlis Mesyuarat Diraja, Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet dan Jurutulis MMN, Datin Paduka Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Huraiah. Lawatan diadakan di Sekretariat AIPA, Jakarta, Republik Indonesia, hari ini.



YANG Di-Pertua MMN berkesempatan untuk mengadakan perjumpaan dan lawatan ke Sekretariat AIPA, yang diterima oleh Puan Yang Terutama Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

HASRAT NEGARA

>> Muka 2

Akhirnya, beta sekali lagi mengucapkan tahniah kepada para graduan yang diraikan. Teruslah menimba ilmu, meningkatkan kemahiran diri, dan mengembangkan potensi, demi masa depan negara yang kita cintai ini. Berpegang teguhlah kepada akidah Ahli Sunnah Waljamaah agar setiap usaha dan jerih payah kita akan mendapat berkat serta rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Inilah kunci kejayaan hakiki, bagi dunia dan akhirat.

Beta juga mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada seluruh warga UBD, baik yang masih berkhidmat atau yang telah bersara, yang merangkumi para Ahli Majlis, Ahli Senat Universiti, Naib Canselor, Pegawai-pegawai Utama, ahli akademik, pegawai, kakitangan, pelajar, alumni dan rakan strategik atas segala sumbangan mereka kepada UBD selama 40 tahun ini. Semoga segala usaha mereka akan mendapat ganjaran pahala yang berlipat ganda daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Beta mendoakan UBD akan terus maju jaya sebagai institusi ilmu yang digalati.

Sekian, *Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 16 Ogos. - Pusat Pendermaan Darah di Jabatan Perkhidmatan Makmal, Kementerian Kesihatan akan mengadakan Kempen Derma Darah di beberapa buah lokasi yang telah dirancang.

Orang ramai adalah diseru untuk menyertai kempen tersebut dan sekali gus menderma darah bagi sama-sama membantu meningkatkan bekalan darah di negara ini.

Kempen-kempen tersebut akan diadakan pada Isnin, 18 Ogos 2025 di Function Room, Tingkat 2, Bangunan The One, Jalan Laksamana Abdul Razak, Batu Satu, sementara itu pada Selasa, 19 Ogos 2025 di The Daun Restaurant, Bangunan Blok 'A', Wisma P H Apong, Kampung Kiulap dan pada Khamis, 21 Ogos 2025 di Mutiara Hall, Tingkat 12, Bangunan 1, Mutiara Exchange Tungku Link. Kempen-kempen ini akan bermula pukul 10.00 pagi

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

hingga 3.00 petang.

Manakala pada Sabtu, 23 Ogos 2025 di Function Room, Tingkat 2 Bangunan The One, Jalan Laksamana Abdul Razak, Batu Satu anjuran One Stephen Sdn. Bhd. bermula pukul 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari.

Orang ramai adalah juga dialu-alukan untuk datang terus ke

Pusat Pendermaan Darah di Hospital Raja Isteri Pengiran Saleha (RIPAS) untuk menderma darah pada waktu bekerja bermula pukul 8.00 hingga 11.30 pagi dan pukul 1.30 hingga 4.00 petang.

Tempahan slot derma darah melalui aplikasi Bloodkad bagi Kempen Derma Darah adalah sangat digalakkan.

TARIKH & MASA PENDAFTARAN	TEMPAT
Isnin 18 Ogos 2025 10.00 pagi hingga 3.00 petang	Function Room, Tingkat 2, Bangunan The One, Jalan Laksamana Abdul Razak, Batu Satu
Selasa 19 Ogos 2025 10.00 pagi hingga 3.00 petang	The Daun Restaurant, Bangunan Blok A, Wisma P H Apong, Kg. Kiulap
Khamis 21 Ogos 2025 10.00 pagi hingga 3.00 petang	Mutiara Hall, Tingkat 12, Bangunan 1, Mutiara Exchange Tungku Link
Sabtu 23 Ogos 2025 9.00 pagi hingga 12.00 tengahari	Function Room, Tingkat 2 Bangunan The One, Jalan Laksamana Abdul Razak, Batu Satu Anjuran One Stephen Sdn Bhd

MEMPERSIAPKAN BELIA DENGAN ACUAN BERKUALITI BERPANDUKAN AL-QURAN, AS-SUNNAH

Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 16 Ogos. - Belia merupakan aset yang amat berharga serta menjadi tonggak utama dalam menentukan hala tuju dan kemajuan negara pada masa hadapan. Kepentingan belia pada sesebuah negara terletak pada peranan belia itu sendiri sebagai penggerak kepada pembangunan negara.

Oleh itu, komitmen dalam mempersiapkan generasi belia dengan acuan yang berkualiti amat penting bagi melahirkan belia yang berilmu, beriman, bertakwa dan berakhlak mulia berpandukan Al-Quran dan As-Sunnah.

Pada masa yang sama, belia juga perlu dilengkapi dengan kemahiran, daya kreativiti serta keupayaan untuk berdaya saing dalam pelbagai bidang seiring dengan arus kepesatan kemajuan dunia yang kian dinamik dan penuh cabaran.

Demikian antara inti pati daripada perkongsian ilmu bertajuk 'Belia Siaga Masa Depan' yang disampaikan oleh Awangku Md. Fauzan Al-Hadey bin Pengiran Damit, pemenang Anugerah Da'ie Terbaik, Akademi Da'wah 5.0, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dari Mushalla Al-Ameen, PDI bagi menyeronokkan Malam Munajat anjuran KHEU Kali Ke-194 sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-20, Tahun 2025.

Acara Malam Munajat berkenaan disemarakkan oleh Ahli-ahli Kumpulan IMPAK Penggerak Belia Daerah Tutong, para peserta Akademi Da'wah 5.0, serta ahli jawatankuasa takmir dan jemaah dari Masjid Hassanal

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama turut hadir pada Malam Munajat anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama Kali Ke-194 sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-20, Tahun 2025.

Bolkiah, Pekan Tutong; Masjid Kampung Penabai, Tutong serta beberapa buah masjid termasuk surau dan balai ibadat seluruh negara.

Juga menyertai ialah warga kerja KHEU bersama keluarga dan juga individu yang turut serta secara maya dari kediaman masing-masing.

Malam Munajat dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai, Daerah Tutong, merangkap Pengerusi Kumpulan IMPAK Penggerak Belia, Daerah Tutong dari Masjid Hassanal Bolkiah.

Diikuti dengan bacaan Surah Al-Mulk beramai-ramai dipimpin oleh Awang Muhammad Darwisy Afiq bin Jalani, Ahli Kumpulan IMPAK Penggerak Belia, Daerah Tutong dari Masjid Hassanal Bolkiah. Manakala Doa Munajat dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Skim Perantisan Perkhidmatan Awam (SkiPPA), Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM), KHEU, Awang Abdul Hafiz bin Haji Abd. Kadiroshman dari Masjid



Hassanal Bolkiah.

Selesai perkongsian ilmu, Malam Munajat diteruskan dengan Selawat Taffiriyah dipimpin oleh Awang Mohammad Hazwan Nizam bin Ibrahim, Ahli Kumpulan IMPAK Penggerak Belia, Daerah Tutong dari Masjid Hassanal Bolkiah.

Kemudiannya, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam (NBD) dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, JHEM,

KHEU, Awang Muhammad Syuwari bin Ilham dari Masjid Kampung Penabai, Tutong.

Malam Munajat anjuran KHEU mengajak orang ramai untuk bersama-sama mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan mempertingkatkan amalan kerohanian, memohon keampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala dengan beristighfar, membaca ayat-ayat suci Al-Quran

dan menghayati maknanya serta merafakkan dan mengaminkan doa secara serentak beramai-ramai dengan harapan agar NBD dan seluruh rakyat dan penduduknya terselamat daripada segala bala bencana dan penyakit berbahaya.

Orang ramai adalah dialu-alukan menyertai acara Malam Munajat pada setiap Sabtu malam Ahad secara maya melalui pautan <https://tiny.cc/munajatkheu>.

Platform keusahawanan mengiktiraf sumbangan belia

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

TUTONG, Sabtu, 16 Ogos. - Jabatan Belia dan Sukan (JBS) dengan kerjasama AIZ Event Management mengadakan The Tutong Youth Festival sempena dengan Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-20, Tahun 2025.

Festival berkenaan berlangsung selama dua hari, bermula hari ini hingga esok, bertempat di Kompleks Sukan Tutong.

Festival yang pertama kali

dianjurkan berkenaan bertujuan menyediakan platform keusahawanan serta pelbagai aktiviti belia bagi meraikan dan mengiktiraf sumbangan belia di negara ini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis bagi melancarkan festival berkenaan, Setiausaha Tetap (Kebeliaan) di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Zakaria bin Haji

SETIAUSAHA Tetap (Kebeliaan) di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat pada The Tutong Youth Festival sempena dengan Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-20, Tahun 2025.

Seruddin; sementara jemputan khas, Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri.

Ketua Cawangan JBS Tutong, Dayang Amhra Farahiyah binti Haji Mohd. Hamdilah dalam ucapan alu-aluannya menekankan bahawa penglibatan pelbagai pihak dalam penganjuran festival membuktikan kepentingan kerjasama erat antara agensi kerajaan, swasta dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dalam memastikan setiap perancangan dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Pelancaran festival turut diserikan dengan persembahan gabungan Pergerakan Belia IMPAK Tutong bersama Platoon Serunai dan Tambur Batalion Kedua Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB), yang terdiri daripada 18 anggota tentera dan 12 belia.

Sepanjang festival, pelbagai aktiviti menarik disediakan termasuk kejohanan dart, badminton, arm wrestling, Beyblade serta ruang keusahawanan oleh para penjaja tempatan.

Para pengunjung juga berpeluang menyaksikan dan mencuba sukan-sukan baharu yang dipersembahkan oleh persatuan pickleball, hoki dan frisbee.



Pengambilan HECAS bagi kemasukan Januari 2026 dibuka

Siaran Akhbar : Kementerian Pendidikan

BERAKAS, Sabtu, 16 Ogos. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pengajian Tinggi sukacita ingin memaklumkan bahawa pengambilan melalui HECAS bagi kemasukan Januari 2026 Sesi Akademik 2025/2026 secara dalam talian ke Institusi-institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), iaitu Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Politeknik Brunei (PB) akan bermula pada Isnin, 18 Ogos 2025, jam 9.00 pagi dan akan ditutup pada Khamis, 11 September 2025, jam 3.00 petang.

Bagi keterangan lanjut, layari laman sesawang Kementerian Pendidikan di www.moe.gov.bn atau laman sesawang HECAS di hecas.moe.gov.bn.

Bagi sebarang pertanyaan, pemohon boleh berhubung terus dengan Pentadbiran HECAS melalui e-mel di ask.hecas@moe.gov.bn atau melalui nombor telefon +673 2381992 atau +673 2381224 semasa waktu pejabat.

Selamatkan Usus Awda.
Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan:
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

دعاء مموهن كقد الله سقاي ترسلامة درقذ بلاء دان سكل جنيس قياكيت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَتَحُنَا وَبِاللَّهِ اخْتَتَمْنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبَرُوتِ. وَأَعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالطَّعْنَ وَالطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ وَقَنَا شَرَّ الرَّدَى بِطُفِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

اية الكرسي

اَللّٰهُ لَا اِلٰهَ اِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّوْمُ لَا تَاْخُذُهٗ سِنَةٌ وَّلَا نَوْمٌ لَّهٗ مَا فِي السَّمٰوٰتِ وَاَلْاَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهٗ اِلَّا بِاِذْنِهٖ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ اَيْدِيهِمْ وَاَخْفَاهُمْ وَلَا يُحِيطُوْنَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهٖ اِلَّا بِمَا شَاءَ وَسِعَ كُرْسِيُّهٗ السَّمٰوٰتِ وَاَلْاَرْضَ وَلَا يَـُٔوْدُهٗ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيْمُ ﴿٢٥٥﴾

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

(صلوات تفرجية)

اَللّٰهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِي تَنَحَّلَ بِهٖ الْعُقْدُ، وَتَنَفَّرَجَ بِهٖ الْكُرْبُ، وَتُقَضٰى بِهٖ الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهٖ الرِّغَائِبُ وَحُسْنُ الْحَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقٰى الْعَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيْمِ، وَعَلٰى اٰلِهٖ وَصَحْبِهٖ فِي كُلِّ لَمَحَةٍ وَنَفْسٍ بِعَدَدِ كُلِّ مَعْلُوْمٍ لَّكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kamil! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhapuslah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

سَيِّدُ الْاِسْتِعْفَارِ

اَللّٰهُمَّ اَنْتَ رَبِّيْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اَنْتَ، خَلَقْتَنِيْ وَاَنَا عَبْدُكَ، وَاَنَا عَلٰى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اَسْتَطَعْتُ، اَعُوْذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، اَبُوْءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَاَبُوْءُ بِذَنْبِيْ، فَاَغْفِرْ لِيْ فَاِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوْبَ اِلَّا اَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذكر بچاءن یغ ممباوا کبراونتوغن ساعت بسر کقد قععملن (تولق بلاء)

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ اِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ (3)

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

اَسْتَغْفِرُ اللّٰهَ الْعَظِيْمِ (2)

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakan rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

حَسْبُنَا اللّٰهُ وَنِعْمَ الْوَكِيْلُ (1)

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173, Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ، بِرَحْمَتِكَ اَسْتَغِيْثُ (5)

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharap pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinnya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

وَأُفَوِّضُ اَمْرِيْ اِلَى اللّٰهِ (4)

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

سرورک زقی

منجمقوت رزقي دغن عمالن یغ بايك

جماعه یغ درحمتی الله،

برتقوی له کیت کحضرة الله سُبحانه و تعالیٰ دغن منیغکنکن کلیمانن کقدن. سسغکوهن اورغ یغ فالیغ ملیا دسیسی الله سُبحانه و تعالیٰ ایت ایاله اورغ یغ فالیغ برتقوی. موده-مودهن کیت منجادی انسان یغ سنتیاس مغایغتی الله سُبحانه و تعالیٰ، براوله کجیان دان کسلامتن ددنیا دان جوک داخیره.

الله سُبحانه و تعالیٰ برفرمان دالم سورة هود آیه ٦:

تفسیرن:

دان تیدق اد ساتو فون مخلوق یغ ملاتا دبویمي ملائکن الله یغ منجماین رزقین دان مغتهوی غمت متف دان غمت فیمنقنن. سمان ایت ترتولیس ددام کتاب یغ بات (لوح محفوظ).

جماعه یغ درحمتی الله،

رزقي اداله انتارا فرکارا یغ منجادی رهسیا الله سُبحانه و تعالیٰ. تیدق اد ساورغ فون ددنیا این یغ مغتهوی تننغ رزقي یغ دکورنیاکن الله سُبحانه و تعالیٰ کقدن سام اد باقی اتا فون سدیکیت. نامون، اف یغ فستی ایاله ستیاف مخلوق یغ هیدوف داتس مولک بومی این تله دجامین رزقین اولیه الله سُبحانه و تعالیٰ.

افیل کیت مفرکاتاکن مغنای رزقي دالم کهیدوفن سهاری-هاری، مک رامای دري کالغن کیت یغ برأغکنن بهاوا رزقي ایت هاڻ دري سکی فکرجان، هرتا ککایان دان واغ ریغکیت سمات-مات. فرلو دکتھوی، بهاوا لیمقه رحمة دان رزقي یغ دکورنیاکن الله سُبحانه و تعالیٰ ایت ساعت لواس دان ستیاف مانسی ایت دکورنیاکن بنتوق رزقي یغ بریذا-بیذا انتارا ساتو سام لاین.

سسوغکوهن صیحت توبه بادن ایت اداله رزقي، ممقویای کلوارک یغ بهاکیا ایت جوک رزقي، دکورنیاکن اُنق ایت رزقي، ممقویای غمت اونتوق برتدوه ایت رزقي، دکلیلیغی اولیه اورغ-اورغ یغ بايك ایت جوک مروفاکن ساتو رزقي.

حقیقتن الله سُبحانه و تعالیٰ منجادیکن کیت سمان اورغ یغ کای دغن رزقي یغ ترسندیری، نامون اد کلان کیت سندیری ساکن-اکن تیدق غمتق دان کورغ مبدیرن. این کران کیت سلالو مراسکن بهاوا رزقي ایت هاڻ دالم بنتوق واغ ریغکیت دان ماتیریاں سمات-مات.

جماعه یغ درحمتی الله،

تردافت سکلیتیر دکالغن مشارکت کیت یغ موغکین سجارا تیدق سدر تله ملاکوکن فرکارا-فرکارا یغ بولییه منجادی سبب ترهالغن کیرکن رزقي یغ دکورنیاکن الله سُبحانه و تعالیٰ مک میمر یغ ملیا این میرو سکلین جماعه یغ درحمتی الله اونتوق مرونغ-حدیث-حدیث بکیندا صَلَّی اللہُ عَلَیْہِ وَاٰلِہٖ وَسَلَّم یغ منجلسکن مغاف رزقي سساورغ ایت تراس کورغ دان سمقیت، انتاران:

فرتام: تیدق منطاعتی قرینتہ الله سُبحانه و تعالیٰ دان رسولن مروفاکن انتارا قیاب رزقي سساورغ ایت تراس کورغ دان سمقیت والوفون سبالیقن ای اداله اورغ یغ برکمفقوان. رسول الله صَلَّی اللہُ عَلَیْہِ وَاٰلِہٖ وَسَلَّم اد منجلسکن ددام حدیث بکیندا، بهاوا بارغسیاف یغ ملواغکن ماس اونتوق مندکتي الله سُبحانه و تعالیٰ دغن برعبادت، نسجای اکن دفوھی دادان دغن ککایان دان دتوتوی کمیسکینن. درفد أبو هريرة رَضِیَ اللہُ عَنْہُ، درفد نبی صَلَّی اللہُ عَلَیْہِ وَاٰلِہٖ وَسَلَّم بکیندا برسیدا یغ برمقصود: سسوغکوهن الله تعالیٰ برفرمان "واہای اُنق آدم، لواغکنله ماسمو اونتوق برعبادت کقد کو، نسجای اکن اکو فوھی دادا مو دغن ککایان دان اکن اکو توتوی کمیسکینن مو ملائکنن جک کامو تیدق ملاکوکن، مک اکو اکن ماسوفکن هاتیمو دغن کسبوکن دان اکو تیدق اکن منوتوی کمیسکیننمو". {حدیث قدسی روایة امام ترمذی}

کلوا: ملاکوکن معصیة دان دوسا. سساورغ ایت ترهالغ دري مندافت رزقي کران قربواتن دوسا دان معصیة یغ دلاکوکن. درفد ثُوبان، مَوْلٰی (قمینتو) رسول الله صَلَّی اللہُ عَلَیْہِ وَاٰلِہٖ وَسَلَّم رسول الله صَلَّی اللہُ عَلَیْہِ وَاٰلِہٖ وَسَلَّم برسیدا: إِنَّ الْعَبْدَ لَیَحْرُمُ الرِّزْقَ بِالذَّنْبِ یُصِیْبُہُ.

مقصودن:

ساورغ همیا بر-بتر ترهالغ دري رزقي کران دوسا یغ دلاکوکن. {حدیث روایة امام أحمد}

جماعه یغ درحمتی الله،

دالم اسلام تردافت براف سبب یغ بولییه منداتغن رزقي یغ لواس جک کیت مغعمالکن، انتاران ایاله:

فرتام: برتقوی کقد الله سُبحانه و تعالیٰ. برتقوی کقد الله سُبحانه و تعالیٰ ایت ایاله دغن منطاعتی سکل فریتنن دان منیغکلکن اف یغ دلارغن. مریک یغ برتقوی این، دجنجیکن اولیه الله سُبحانه و تعالیٰ دغن لیمقنن رزقي، ماله الله سُبحانه و تعالیٰ مغورنیاکن کقد مریک جالن کلوار دري سکل کسوسنن. این جلس سباکیما فرمان الله سُبحانه و تعالیٰ دالم سورة الطلاق آیه ٢-٣:

تفسیرن:

دمکینله قفاجرن ایت دیریکن کقد سسیاف یغ برلمان کقد الله دان هاری آخیره. دان سسیاف یغ برتقوی کقد الله نسجای الله اکن مودمکن باکین جالن کلوار (دالم اوروسنن). دان دی مغورنیاکن رزقي دري آره یغ تیدق ترلینتس دفیگیرنن. دان سسیاف یغ برتوکل کقد الله مک جوکوله الله ایت باکین. سسوغکوهن الله ملقسناکن اوروسنن. الله تله منتقن کنتوان باکی تیاف-تیاف سسواتو.

کلوا: استغفار دان توبه. عمالن استغفار اداله ساله ساتو فینتو رزقي یغ فالیغ اوتام. براستغفار دغن فئوه کاخلاصن دان توبه نصوحا یغ تولوس، دافت مموک فینتو کیرکن دالم هیدوف ترماسوق دالم اسقیلک رزقي.

کتیک: برصدقه. صدقه اداله عمالن سنه یغ منجادی أسباب دلپشتکنداکن رزقي. دغن برصدقه، بوکن سہاج رزقي منجادی برلیث کندا، تثنای جیوا جوک اکن براس لافغ دان بهاکیا. درفد أبو هريرة رَضِیَ اللہُ عَنْہُ، رسول الله صَلَّی اللہُ عَلَیْہِ وَاٰلِہٖ وَسَلَّم برسیدا: مَا نَقَصَتْ صَدَقَةٌ مِنْ مَالٍ.

مقصودن:

هرتا تیدق اکن برکورغ کران صدقه. {حدیث روایة امام مسلم}

کامفت: مغایرتکن هوپوغن صلة الرحیم دغن کلوارک اداله ترماسوق ساله ساتو عمالن یغ بولییه منجمقوت دان مموک فینتو رزقي. درفد انس بن مالک رَضِیَ اللہُ عَنْہُ، رسول الله صَلَّی اللہُ عَلَیْہِ وَاٰلِہٖ وَسَلَّم برسیدا: مَنْ سَرَّ أَنْ يُبْسَطَ لَهُ فِي رِزْقِهِ، أَوْ يُنْسَأَ لَهُ فِي أَثَرِهِ، فَلْيَصِلْ رَحْمَةً.

مقصودن:

بارغسیاف یغ سوک دمورھکن رزقین اتاو دفنچفکن اوسیان مک هندقله دی ممپوغکن ککلوارکان (صلة الرحیم). {حدیث روایة امام بخاری}

کلیم: سمیہیغ سنه ضحی. سمیہیغ سنه ضحی دیقینی سباکای ساله ساتو عمالن یغ دافت ملافکن فینتو رزقي دان ممپاو کنتغن جیوا. رسول الله صَلَّی اللہُ عَلَیْہِ وَاٰلِہٖ وَسَلَّم مغأجورکن اومتن اونتوق باغون اول دان ممفعتکن وقتو فاکي دغن سباک-بایکن. درفد أبو ذر رَضِیَ اللہُ عَنْہُ، رسول الله صَلَّی اللہُ عَلَیْہِ وَاٰلِہٖ وَسَلَّم برسیدا یغ مقصودن: فد فاکي هاری، ستیاف سندي ساله ساورغ درفد کامو مملوکن

کقد صدقه. مک ستیاف تسبیح (سبحان الله) ایت اداله صدقه، ستیاف تحمید (الحمد لله) ایت اداله صدقه، ستیاف تکبیر (الله أكبر) ایت اداله صدقه، میوروه بریوات فرکارا یغ بايك اداله صدقه، ملارغ درفد فرکارا یغ موغکر اداله صدقه. دان سمان ایت جوکوف (برصدقه کقد سمان سندي ایت) دغن دوا رکمة یغ تله ددیریکن اولیه سساورغ ایت درفد سمیہیغ ضحی. {حدیث روایة امام مسلم}

کام: ممقربایفکن مباح دعاء. دعاء اداله سنجات اورغ برلمان. دالم اوروسن رزقي، بردعاه کقد الله سُبحانه و تعالیٰ دغن فئوه کیقینن، کاخلاصن دان توکل دافت مموک فینتو رزقي یغ تیدق دسغا-سغا. انتارا دعاء مشهور یغ دأجرکن اولیه رسول الله صَلَّی اللہُ عَلَیْہِ وَاٰلِہٖ وَسَلَّم ایاله:

اللَّهُمَّ اكْفِنِي بِحَلَالِكَ عَنْ حَرَامِكَ وَأَغْنِنِي بِفَضْلِكَ عَنْ سُؤَالِكَ

ارتین:

یا الله، جوکوفکنله اکو دغن رزقیمو یغ حلال سہیثک اکو ترهیندر درفد اف یغ اغکاو حرامکن دان فرکایکنله اکو دغن کورنیا مو سہیثک اکو تیدق میمتا درفد سلاین اغکاو. {حدیث روایة امام ترمذی}

جماعه یغ درحمتی الله،

رزقي اداله اُنوکره الله سُبحانه و تعالیٰ یغ بوکن ساح برنتوق هرتا اکن تثنای جوک برنتوق کصیحتن، کنتغن، کلوارک بهاکیا دان کموداهن دالم کهیدوفن. دالم اسلام، منجمقوت رزقي بوکن سقدر برأوسها سجارا فیزیکل اکن تثنای جوک ملالوی عمالن-عمالن بايك یغ منداتغن کیرکن.

عمالن سقرتی برتقوی کقد الله سُبحانه و تعالیٰ، براستغفار، برصدقه، مغایرتکن صلة الرحیم، مندیریکن سمیہیغ سنه ضحی سرتا مغعمالکن دعاء دان ذکر بولییه مموک فینتو رزقي دغن لبیه لواس. سلاین ایت، منجاوهی فرکارا حرام، مغأواتامکن کجوجورن دالم فکرجان دان برشکور اتس نعمت یغ اد جوک منجادی کوئیی اونتوق منجمقوت رزقي یغ برکت. اولیه ایت، اوسها دان دعاء فرلو برجالن سلیریغ کران رزقي یغ برکت بوکن سقدر باقی اکن تثنای جوک ممیری کنتغن هاتی دان کسجھزان هیدوف. دغن مغعمالکن فرکارا-فرکارا یغ بايك ان شاء الله رزقي اکن داتغ دالم قلیاکای بنتوق یغ تیدق دسغا-سغا.

آخرن، سام-سامله کیت بردعاه سموک کیت سمان دکورنیاکن رزقي یغ منجوکوی دان برکت، کیت قواکنن تیکد دان توکل سمیل برأوسها دان براختیار تنفا فوتوس آسا. سموک کیت ترکولوغ دکالغن همیا-همیان یغ سنتیاس برشکور دان ریضاء اتس ستیاف اُنوکره دان کورنیانن. آمین یا رب العالمین.

یغ تفسیرن:

دان (یغتلہ) کتیک توهن کامو ممیرتاهو (دغن سجلس-جلسن): "دمی سسوغکوهن جک کامو برشکور (ترهادف سکل نعمتکو) تننو اکو اکن منمبه نعمت ایت کقد کامو دان دمی سسوغکوهن جک کامو کوفور (ترهادف نعمت ایت) مک سسوغکوهن عذابکو ساغت کراس". {سورة ابراهيم آیه: ٧}

بَارَكَ اللهُ لَنَا فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَتَعَمَّنَا بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلْ مِنَّا تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَبِمَا قُوِّرَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيُنَاجَاةَ التَّائِبِينَ.

MEMBANTERAS JENAYAH PEMERDAGANGAN ORANG SECARA WHOLE OF NATION APPROACH



PERJUMPAAN antara Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Kebangsaan Antipemerdagangan Orang Negara Brunei Darussalam (NBD) bersama pihak Kongres Amerika Syarikat dipengerusikan oleh Pemangku Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah, Pasukan Polis Diraja Brunei, Penolong Pesuruhjaya Polis Haji Azree bin Haji Abd. Manaf yang juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Kerja Antipemerdagangan Orang NBD (atas dan atas kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 16 Ogos. - Perjumpaan antara Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Kebangsaan Antipemerdagangan Orang Negara Brunei Darussalam (NBD) bersama pihak Kongres Amerika Syarikat (AS) telah diadakan, di sini dan dipengerusikan oleh Pemangku Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Penolong Pesuruhjaya Polis Haji Azree bin Haji Abd. Manaf yang juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Kerja Antipemerdagangan Orang NBD. Perjumpaan tersebut melihat beberapa wakil dari Jabatan

■ **Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei**

Perdana Menteri, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Kementerian Kesihatan, Pejabat Peguam Negara, Unit Siasatan Pemerdagangan Manusia Jabatan Siasatan Jenayah PPDB, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Jabatan Buruh, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan dan Jabatan Pembangunan Masyarakat. Perjumpaan dengan pihak Kongres AS ini diketuai oleh Democratic Staff Director for The House Foreign Affairs Subcommittee on the Indo-Pacific,

Emma Bruce dan Policy Advisor and Deputy Communications Director, Michael P. Macharg dengan disertai bersama pihak Kedutaan AS di NBD. Semasa sesi perjumpaan tersebut beberapa perkara telah pun dikongsikan antaranya adalah inisiatif, strategi, amalan terbaik termasuklah pembarigaan yang dilaksanakan oleh Jawatankuasa Kebangsaan Antipemerdagangan Orang NBD khususnya dalam membanteras jenayah pemerdagangan orang secara Whole of Nation Approach.



Berhati-hati dengan panggilan telefon tidak dikenali

■ **Siaran Akhbar : Pasukan Polis Diraja Brunei**

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 16 Ogos. - Bahagian Siasatan Jenayah Siber (BSJS), Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ), Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) ingin mengeluarkan amaran penting kepada orang ramai mengenai peningkatan kes penipuan yang dilaporkan kebelakangan ini, melibatkan penyamaran sebagai pegawai bank dan polis, yang dikenali sebagai 'Macau Scam'.

Kes-kes berkenaan telah mengakibatkan kerugian yang besar kepada mangsa. Modus operandi penipuan tersebut kebiasaannya bermula dengan panggilan telefon daripada individu yang menyamar sebagai pegawai bank, mendakwa terdapat tunggakan kad kredit atau transaksi mencurigakan dalam akaun mangsa.

Panggilan berkenaan kemudian akan 'dipindahkan' kepada individu lain yang menyamar sebagai pegawai polis, yang seterusnya menakutkan mangsa dengan mengatakan bahawa akaun bank mereka terlibat dalam aktiviti jenayah.

Penjenayah seterusnya akan meminta maklumat peribadi dan mengarahkan mangsa memindahkan atau mengeluarkan wang dengan alasan kononnya untuk tujuan keselamatan. Mangsa juga diarahkan agar tidak memberitahu sesiapa dan hanya berhubung melalui aplikasi WhatsApp.

Kebanyakan mangsa disasarkan pada waktu bekerja, termasuk warga emas yang sering berada sendirian di rumah serta tidak mempunyai tempat untuk mendapatkan nasihat segera. Ada juga kes di mana penjenayah mengarahkan mangsa mengeluarkan wang daripada bank dan menyerahkannya kepada individu tertentu atas alasan untuk penyimpanan atau siasatan.

Sehubungan dengan itu, BSJS menasihatkan orang ramai untuk sentiasa berwaspada dan tidak mudah terpedaya dengan panggilan atau skim penipuan, tidak berkongsi maklumat peribadi seperti butiran akaun bank, nombor Kad Pengenalan, gambar atau jumlah simpanan kepada individu tidak dikenali melalui telefon atau aplikasi media sosial.

Orang ramai juga dinasihatkan agar kekal tenang dan tidak panik apabila menerima panggilan mencurigakan, mengesahkan maklumat dengan menghubungi pihak bank melalui talian rasmi atau polis melalui Talian Kecemasan 993, bukan melalui aplikasi media sosial seperti WhatsApp dan elakkan memindahkan atau menyerahkan wang tunai kepada mana-mana individu yang tidak dikenali.

Bagi mereka yang telah menjadi mangsa, hubungi pihak bank dengan segera untuk menghentikan transaksi dan buat laporan polis dengan menyertakan semua butiran berkaitan.

PPDB juga ingin mengingatkan bahawa individu yang terbabit, termasuk mereka yang mendaftarkan atau meminjamkan nombor sim kad serta menyewakan atau meminjamkan akaun bank, boleh didakwa sebagai bersubahat dalam penipuan berkenaan.

PPDB kekal komited dalam usaha membanteras penipuan dan menyeru orang ramai untuk sentiasa berwaspada dengan taktik penjenayah yang sering berubah. Penipuan berkenaan akan terus berevolusi, justeru kewaspadaan berterusan amatlah penting.

Sehubungan dengan itu, PPDB turut menggesa masyarakat untuk menyebarkan maklumat berkenaan secara meluas, khususnya kepada anak-anak, agar mereka dapat mengenali tanda-tanda penipuan sejak awal; begitu juga kepada ahli keluarga demi melindungi semua lapisan isi rumah termasuk ibu bapa dan warga emas yang sering menjadi sasaran utama penipuan.

Dengan meningkatkan kesedaran dan mengamalkan langkah pencegahan, masyarakat dapat membina rangkaian perlindungan yang lebih kukuh serta mengurangkan risiko ahli keluarga dan orang tersayang menjadi mangsa penipuan.

Akhir sekali, PPDB menekankan bahawa pencegahan adalah lebih baik daripada rawatan. Kesedaran, kewaspadaan dan kerjasama semua pihak adalah kunci utama dalam memerangi jenayah penipuan 'Macau Scam' ini.

Beri bimbingan, ceburi bidang keusahawanan



KURSUS Keusahawanan diadakan bertujuan untuk memberikan kefahaman dan bimbingan kepada para peserta mengenai konsep asas keusahawanan serta potensi perniagaan yang boleh mereka ceburi.

■ **Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah**

BERAKAS, Sabtu, 16 Ogos. - Persatuan Basmi Dadah (BASMIDA) telah menganjurkan Kursus Keusahawanan selama empat hari, bertempat di Ibu Pejabat Persatuan BASMIDA, Kampung Anggerek Desa.

Seramai 25 peserta mengikuti kursus berkenaan yang diadakan sehingga hari ini.

Kursus berkenaan telah dibimbing oleh dua fasilitator berpengalaman, iaitu Dayang Latifah binti Abd. Razak; dan Dayang Hajah Linda Aini binti Abdullah.

Kursus berkenaan diadakan bertujuan untuk memberikan kefahaman dan bimbingan kepada para peserta mengenai konsep asas keusahawanan serta potensi perniagaan yang boleh

mereka ceburi.

Selain itu, memberikan kefahaman mengenai konsep keusahawanan dalam kalangan peserta, kursus berkenaan juga bertujuan untuk memberi peluang kepada peserta memahami cabaran dalam dunia perniagaan.

Para peserta juga boleh mengenal pasti potensi dan kekuatan diri serta kelemahan yang mereka akan hadapi sebagai usahawan.

Kursus juga bertujuan untuk mendalami pengetahuan dan kemahiran yang perlu bagi meningkatkan kemajuan perniagaan, mencetuskan daya pemikiran kreatif serta kebolehan dalam mencipta idea baharu dalam perniagaan dan seterusnya

mengenal pasti peluang-peluang perniagaan yang terdapat di negara ini.

Melalui kursus yang diberikan, adalah diharapkan para peserta juga mampu untuk memantapkan visi, misi serta hala tuju dengan lebih jelas dan sistematik, selanjutnya berupaya untuk menyediakan serta menggunakan Rancangan Perniagaan (*Business Plan*) sebagai panduan termasuk dalam mendapatkan pembiayaan atau pinjaman.

Penganjuran kursus berkenaan diharapkan dapat membantu para peserta, khususnya rakan BASMIDA untuk lebih bersedia dalam dunia perniagaan, meningkatkan keyakinan diri serta menyumbang kepada perkembangan ekonomi negara melalui bidang keusahawanan.

MEWUJUDKAN KOMUNITI PEMANDU TRAK BERKEMAHIRAN



BOUSTEAD Sdn. Bhd., pengedar sah Volvo Trucks Brunei dengan kerjasama **Jithra Sdn. Bhd. (Ji-Auto Sdn. Bhd.)** mengadakan Latihan Pembaikan dan Penyelenggaraan Tangki Petroleum secara *hands-on* di **Aziz Latif Transport Sdn. Bhd.**, Seremangun, Tutong (atas dan kanan).

■ Berita dan Foto : Nurdianah Rajami

TUTONG, Sabtu, 16 Ogos. - Dengan matlamat untuk mewujudkan komuniti pemandu trak yang berkemahiran sekali gus boleh melindungi kenderaan dan diri mereka sendiri serta mengurangkan risiko operasi dan mengekalkan standard keselamatan yang tinggi selaku pengguna jalan raya di negara ini, Boustead Sdn. Bhd., pengedar sah Volvo Trucks Brunei dengan kerjasama Jithra Sdn. Bhd. (Ji-Auto Sdn. Bhd.) telah mengadakan Latihan Pembaikan dan

Penyelenggaraan Tangki Petroleum secara *hands-on* bertempat di Aziz Latif Transport Sdn. Bhd., Seremangun, Tutong, hari ini.

Sehubungan itu, Boustead Sdn. Bhd. telah bekerjasama dengan Jithra Sdn. Bhd. untuk semua penyelenggaraan dan pengubahsuaian tangki petroleum, bahan bakar dan *bowser* di Brunei. Jithra Sdn. Bhd. memiliki pengalaman selama 46 tahun dalam pembuatan dan servis tangki dengan sokongan teknikal di



seluruh rantau Malaysia.

Dalam pada itu, latihan berkenaan melengkapkan operator logistik dengan pengetahuan teknikal asas dan protokol tindak balas kecemasan. Latihan ini memastikan pemandu dapat mengenal pasti kebocoran dengan cepat, bertindak balas terhadap kegagalan sistem dan mengambil tindakan yang sewajarnya semasa kecemasan. Hal ini juga bagi meningkatkan lagi keselamatan dan meminimumkan risiko semasa pengangkutan.

Antara yang hadir bagi menyampaikan penerangan mengenai latihan berkenaan ialah

Pengarah Jithra Sdn. Bhd., Michael Lim dan Pengurus Bengkel Jithra Sdn. Bhd., Cheng Hong Wai. Turut hadir bagi sama-sama menyaksikan latihan berkenaan ialah Pengurus Besar (General Manager) Volvo Trucks Brunei, Alex Yong.

Alex Yong antaranya menjelaskan bahawa di Volvo Trucks Brunei, mereka percaya bahawa keselamatan dan kebolehpercayaan berjalan seiring. Latihan itu lebih daripada sekadar bengkel bahkan ia adalah pelaburan kepada juruteknik mereka dan pelanggan mereka di Negara Brunei Darussalam.

Sementara itu, pihak jurucakap Boustead Sdn. Bhd. menyatakan bahawa matlamat mereka adalah untuk memastikan dan membantu para pelanggan dalam menguruskan sebarang kerosakan, kos penyelenggaraan yang lebih rendah dan mempunyai keyakinan dengan sokongan yang teguh.

Inisiatif latihan ini juga menandakan satu lagi langkah penting di syarikat berkenaan melalui kerjasama tersebut bagi menyediakan penyelesaian tangki *end-to-end* yang memenuhi standard prestasi, keselamatan dan kebolehpercayaan tertinggi.

Terus berusaha memajukan negara untuk mencapai Wawasan Brunei 2035

■ Berita dan Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan

BERAKAS, Sabtu, 16 Ogos. - Anugerah Hari Belia Kebangsaan pada Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-20, Tahun 2025 merupakan acara tahunan bagi memperingati sumbangan, pengorbanan dan perjuangan generasi muda dalam mencorak dan mempercepat rentak pembangunan negara.

Sudah semestinya, penganugerahan seumpama berkenaan akan menjadi pendorong dan pencetus semangat bagi para belia yang lain untuk menjadi lebih kuat dalam sama-sama menandai hasrat negara menjadi sebuah negara maju yang berkekalan dan memiliki rakyat yang berpendidikan,

berkemahiran, dan berakhlak mulia.

Semasa ditemui oleh Pelita Brunei, penerima Anugerah Pemimpin Muda Belia 2025, Dayang Sharifah Adila Surya binti Malai Haji Abdullah turut mengongsikan pengalaman dan perasaannya menjulang anugerah yang diterimanya pada Sambutan Hari Belia Kebangsaan tahun ini yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, pagi tadi.

Dayang Sharifah Adila Surya mula bergiat dalam persatuan yang diterajui sehingga ke hari ini seawal usia sembilan tahun apabila ayahnya membangunkan persatuan yang dikenali sebagai SMARTER Brunei, meskipun baharu secara rasmi bekerja sepenuhnya dalam persatuan dan kesukarelawanan pada 2010.

Menurutnya, menjulang Anugerah Pemimpin Muda Belia 2025 bukanlah satu matlamat utama bagi dirinya melainkan keikhlasan yang dicurahkan apatah lagi apabila melihat sendiri kesungguhan orang tuanya dalam membantu orang berkeperluan khas dan tidak menyangka sama sekali untuk dinobatkan sebagai penerima anugerah berkenaan pada hari ini.

Walau bagaimanapun,

PENERIMA Anugerah Belia Berkhidmat 2025, Dayang Nurul Izyan binti Anver yang juga merupakan Timbalan Yang Dipertua Majlis Belia Brunei sejak 2020.

pemimpin belia berusia 33 tahun ini berasa berbesar hati dan pada masa yang sama sangat terharu atas penganugerahan yang diterimanya kali ini.

Setelah berkecimpung dalam bidang kesukarelawanan selama lebih kurang 15 tahun, pada 2024, Dayang Sharifah Adila Surya telah dilantik sebagai Yang Dipertua bagi Majlis Kesejahteraan Orang Kelainan Upaya (MKOKU) sekali gus menggambarkan kesungguhannya dalam membantu memastikan kesejahteraan orang yang memiliki kelainan upaya di negara ini sentiasa terjaga dan *dikelinga* dengan baik.

"Mengenai perancangan dalam persatuan dan majlis, saya tidak akan terhenti dan akan terus untuk sama-sama berusaha memajukan negara khususnya bagi mencapai Wawasan Brunei 2035 yang berbentuk Melayu Islam Beraja (MIB) dan Maqasid Syariah," ujarnya lagi.

Dayang Sharifah Adila Surya juga mengongsikan saranan kepada para belia di luar sana supaya tidak mudah berputus asa dalam segala perkara yang mereka lakukan, kuat bertahan dan boleh menyesuaikan diri dengan persekitaran mereka untuk mencapai sesuatu perkara dalam kehidupan.

Sementara itu, penerima Anugerah Belia Berkhidmat 2025 pula disandang oleh Dayang Nurul Izyan binti Anver yang juga merupakan Timbalan Yang Dipertua Majlis Belia Brunei (MBB) sejak 2020.

Dayang Nurul Izyan menjelaskan menerima Anugerah Belia Berkhidmat memang

tidak disangka memandangkan pencalonan bagi kategori berkenaan terdiri daripada orang-orang yang hebat.

"Apabila nama diumumkan sebagai penerima, ia sejuknya membuatkan saya berasa terharu kerana langsung tidak menyangkakan menerima anugerah tersebut," jelasnya lagi.

Lepasan graduan Kolej Perniagaan Laksamana (Laksamana College of Business - LCB) itu seterusnya mengongsikan mula penglibatannya dalam bidang kesukarelawanan yang tercetus semasa beliau bekerja satu ketika dahulu yang menggalakkan pekerjaannya untuk bergiat aktif dan terlibat dalam bidang kesukarelawanan yang akhirnya membuatkan dirinya tertarik dan senang untuk terus melakukannya.

Dayang Nurul Izyan berasa bersyukur kerana diberikan peluang dan didedahkan dengan kesukarelawanan yang menjadikannya lebih terbuka untuk bergaul bersama orang lain dengan latar belakang yang berbeza-beza.

Sebagai seorang yang pemalu pada satu ketika dahulu, kini beliau berasa lebih senang untuk berinteraksi bersama orang lain disebabkan kebiasaannya semasa mengikuti kerja-kerja kesukarelawanan yang mendorongnya bekerjasama dengan orang yang baharu dikenali.

Bagi Dayang Nurul Izyan,

PENERIMA Anugerah Pemimpin Muda Belia 2025, Dayang Sharifah Adila Surya binti Malai Haji Abdullah.

minatny terhadap bidang kesukarelawanan adalah disebabkan dia gemar untuk bertemu dengan orang baharu sekali gus dapat melebarkan rangkaian (*networking*) yang boleh mencipta laluan kerjaya bagi dirinya.

Mengulas mengenai perancangan seterusnya, wanita berusia 35 tahun itu berhasrat untuk membuat lebih banyak lagi projek kemasyarakatan pada masa yang akan datang terutama sekali yang bersangkutan dengan meningkatkan kesedaran hak wanita.

Pada kesempatan yang sama, beliau juga berkesempatan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan buat kedua-dua orang tuanya yang cukup memahami dirinya dan minatny yang mendalam terhadap bidang kesukarelawanan sejak dari dulu hingga ke hari ini.





**JABATAN BANDARAN
KUALA BELAIT DAN SETIA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

1. Bilangan Tawaran :
01 / BBS / OTGCOAJDSKB /
2025-2026

Keterangan Projek :
One-Off Grass Cutting Contract for
Open Area Jalan Dato
Shahbandar Kuala Belait

2. Bilangan Tawaran :
01 / BBS / TMGCCCKBMA (2) /
2025-2026

Keterangan Projek :
Three (3) Months Grass Cutting
Contract In Kuala Belait
Municipal Area

Dibukakan kepada pemborong -
pemborong yang berdaftar dengan
Kementerian Pembangunan
Negara Brunei Darussalam

Yuran Tawaran :
BND5.00 (Non-Refundable)

Tarikh Tutup :
Tidak lewat Selasa,
26 Ogos 2025, Jam 2.00 petang



Keterangan Projek :
Supply and Delivery of Printer
Jabatan Bandaran Kuala Belait
dan Setia

Yuran Tawaran :
BND5.00 (Non-Refundable)

Bilangan Tawaran :
6 / BBS / SDSFJBKBS / 2025-2026

Tarikh Tutup :
Tidak lewat Selasa, 2 September
2025, Jam 2.00 petang



**KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA**

**Bahagian Teknologi Maklumat
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Negara Brunei Darussalam**

Bil. Sebut Harga :
61 / KHEU / BTM / 2 / RFQ / 2025
Supply, Delivery And Installation
Of Projectors And Television
Displays For Sekolah Tinggi Arab
Hassanal Bolkiah (STAHB)

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Rabu, 20 Ogos 2025,
Jam 2.00 petang



**UNIVERSITI TEKNOLOGI
BRUNEI**

Bilangan Tawaran :
UTB / TEND / 2025 – 2026 / EST / 01

Keterangan :
Restoration Of The Addressable
Fire Alarm System In Phase 3
Buildings At Universiti Teknologi
Brunei

**Bayaran Yuran / Dokumen
Tawaran :**
BND30.00
(Bayaran yuran dokumen tawaran
adalah tidak boleh dikembalikan /



**JABATAN RADIO
TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

Tajuk Sebut Harga :
RTB / K / 74 / 25 - 26
Repair And Maintenance Works
To DX Package Air-Conditioning
Unit At Radio Television Brunei
Tutong Branch

Bayaran Yuran :
BND5.00 (Tidak dikembalikan)
(Termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas :
BND5.00 (Jika perlu dan tidak
dikembalikan) (*Hardcopy*)

Tarikh Tutup:
Rabu, 20 Ogos 2025,
Jam 2.00 petang



**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN**

Pemberitahuan Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga :
IKAN / 78 (Q) / 0018 / 2025

Tajuk Sebut Harga :
“To Supply And Delivery Of Oil
Spill Kits (Oil-Only) And Portable
Dissolved Oxygen (DO) Meter
Device For Aquaculture Industry
Division, Department Of Fisheries,
Serasa”

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Tidak lewat pada Khamis,
28 Ogos 2025, Jam 2.00 petang



non-refundable)

Tarikh Tutup Dan Waktu :
19 Ogos 2025
(Tidak lewat jam 2.00 petang)

Tajuk Sebut Harga :
RTB / K / 68 / 25 - 26
Replacement Of Andulau
Transmitter Stations's Aviation
Obstruction Lights (AOL)

Bayaran Yuran :
BND5.00 (Tidak dikembalikan)
(Termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas :
BND5.00 (jika perlu dan tidak
dikembalikan) (*Hardcopy*)

Tarikh Tutup :
Rabu, 20 Ogos 2025,
Jam 2.00 petang



**PEJABAT PENERBANGAN
KEBAWAH DULI YANG
MAHA MULIA**

Projek :
[Retender] The Supply, Delivery,
Installation, Commissioning,
Operation, Maintenance And
Upgrade Of Existing IT System
(Tech Refresh) With Related
Hardware, Application And
Network Infrastructure Services
For His Majesty The Sultan's
Flight, Negara Brunei Darussalam

No. Tender :
HMSF / TDR / 04 / 2025

Tarikh Tutup :
Tidak lewat Selasa, 30 September
2025, Jam 2.00 petang



**DA / JKSH / 83 / 2025 / 2026
[BPPA-OGOS-2025]**

Sebut Harga Perkhidmatan Cafe
Bagi Pusat Perkhidmatan
Setempat Kementerian Pendidikan,
Negara Brunei Darussalam

Bayaran Yuran Sebut Harga :
BND5.00



**JABATAN DAERAH
BRUNEI DAN MUARA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Tawaran Bilangan :
JDBM / Q / 52 / 2025

Tawaran :
Membekal Dan Memasang
Kawalan Tikus Bagi Tempoh 21
Bulan Bertempat Bangunan
Jabatan Daerah Brunei Dan Muara,
Dewan Muhibbah Serta Bengkel
Jabatan Daerah Brunei Dan Muara,
Lapangan Terbang Lama Berakas,
Negara Brunei Darussalam.

Tawaran Bilangan :
JDBM / Q / 53 / 2025

Tawaran :
Pemeliharaan Hawa Dingin Bagi
Tempoh 18 Bulan Bertempat
Dewan Muhibbah Dan Dewan
Kemasyarakatan Di Bawah
Kawalan Jabatan Daerah
Brunei Dan Muara,
Negara Brunei Darussalam.

Tawaran Bilangan :
JDBM / Q / 54 / 2025

Tawaran :
Penswastan Bagi Tempoh 18
Bulan Kerja-Kerja Pembersihan,
Mengutip Dan Membuang Sampah
Bertempat Letak Kereta Kampung
Sungai Bunga, Jalan Kota Batu,
Negara Brunei Darussalam.

Tawaran Bilangan :
JDBM / Q / 55 / 2025

Tawaran :
Penswastan Selama 18 Bulan
Bagi Kerja-Kerja Pembersihan
Kawasan-Kawasan Dan
Pemeliharaan Bangunan
Persekitaran Pasar Pantai
Jerudong, Mukim Sengkurong,
Negara Brunei Darussalam.

Tawaran Bilangan :
JDBM / Q / 56 / 2025

Tawaran :
Preventive Maintenance Rates For
Fire Protection System At New
Building And Old Building And
Dewan-Dewan Kemasyarakatan
Jabatan Daerah Brunei Dan
Muara, For 18 Months
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Tutup :
Tidak lewat Selasa, 2 September
2025, Jam 2.00 petang



Tarikh Tutup / Waktu :
Sabtu, 23 Ogos 2025,
Jam 9.00 pagi



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Notis

**Expression Of Interest (EOI)
To Design, Build, Finance,
Operate And Maintain
The Development And Land At
RPN Kampung Panchor**

Kementerian Pembangunan menjemput pihak yang berminat untuk menghadapkan EOI mengenai perkara di atas.

Pihak yang berminat boleh mendapatkan dokumen EOI dengan menghantar e-mel kepada eoi.dil@mod.gov.bn dengan tajuk: **“DESIGN, BUILD, FINANCE, OPERATE AND MAINTAIN THE DEVELOPMENT AND LAND AT RPN KAMPUNG PANCHOR”**.

EOI yang lengkap hendaklah disimpan dalam sampul surat tertutup dan ditanda dengan tajuk seperti di atas untuk dihadapkan kepada:

**Lembaga Tawaran Kecil,
Kementerian Pembangunan
Tingkat Bawah, Bangunan
Kementerian Pembangunan,
Lapangan Terbang Lama,
Berakas,
Bandar Seri Begawan, BS3510,
Negara Brunei Darussalam**

Tarikh-tarikh Penting :

- Tarikh penerimaan EOI mulai:
Selasa, 12 Ogos 2025
- Hari perkongsian maklumat EOI:
Tarikh: Selasa, 26 Ogos 2025

Tempat:

Bilik Mesyuarat Jong Sarat,
Tingkat 2, Bangunan Kementerian
Pembangunan, Lapangan Terbang
Lama, Berakas

Jam: 2.30 - 3.15 petang

- Tarikh penerimaan EOI ditutup:
Selasa, 16 September 2025,
Jam 2.00 petang

Sebarang EOI yang dihadapkan
lewat daripada tarikh dan masa
yang ditetapkan tidak akan
diterima.



JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

Bilangan Tawaran :
JKP / LTK / 2025-2026 / 03 (R)

"Conducting and Managing
Tourism Surveys for International
Tourists and Returning Bruneian
at Key Entry and Exit Points,
including Brunei International
Airport, Sungai Tujuh Control
Post, Labu Control Post, Serasa



JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN TENAGA JABATAN PERDANA MENTERI

**Jemputan Untuk Memberi
Tawaran
Jabatan Perkhidmatan Elektrik
Negara Brunei Darussalam**

Bilangan Tawaran :
JPE / LTK / DIS / 043 / 2025

Tajuk :
Technical Maintenance Of Leaked
Distribution Transformer For
Brunei-Muara Forthree (3) Years

Tarikh Tutup :
Selasa, 2 September 2025,
Jam 2.00 petang

Harga Dokumen :
BND100.00 (Tidak Dikembalikan)

Tempat Tutup :
"Tender Box"

Pengerusi Lembaga Tawaran
Kecil, Jabatan Perdana Menteri
Bangunan Jabatan Perdana
Menteri, Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB 3913
Negara Brunei Darussalam.

Kelayakan :

Mempunyai pendaftaran syarikat
dengan Kementerian Pembangunan
dalam KELAS 3,4 ATAU 5, dalam
kategori E03 dan mempunyai
pekerja yang berdaftar dengan JPE
dalam kategori E03.

Dokumen-dokumen tawaran dan
penerangan-penerangan yang lanjut
bolehlah diperolehi dari Kaunter Unit
Tawaran dan Sebut harga, Tingkat 4,
Jabatan Perkhidmatan Elektrik,
Jabatan Perdana Menteri, Negara
Brunei Darussalam.

Perhatian :

Sila sertakan salinan BUSINESS
NAMES ENACTMENT, 1958 -
SECTION 16 & 17, Sijil Pendaftaran
Pemborong (MOD), sijil Tabung
Amanah Pekerja, TAP Employer
Contribution dan Certificate of Tax
Compliance semasa menghantar
dokumen ini ke Jabatan
Perkhidmatan Elektrik.



Control Post and Muara Cruise
Ship Centre".

Tarikh Tutup Iklan :
Selasa, 9 September 2025,
Jam 2.00 petang



JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Di Negara Brunei Darussalam**

Tarikh Buka Sebut Harga :
Sabtu, 11 Ogos 2025

(Permohonan dokumen tawaran
boleh diperolehi dengan melayari
laman sesawang Jabatan
Perancang Bandar dan Desa iaitu
www.mod.gov.bn/tcp dan
seterusnya masuk ke
QUOTATION melalui Quick Links)

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Selasa, 2 September 2025,
Sebelum jam 2.00 petang

(Pengerusi Jawatankuasa Sebut
Harga, Tingkat 2, Jabatan
Perancang Bandar dan Desa,
Jalan Lapangan Terbang Lama
Berakas, Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam)

Bilangan Sebut Harga :
02 / 2025 / 2026

"The Supply And Delivery Of
Arcgis Online Professional And
Arcgis 3d Analyst For Arcgis
Online Professional For
Department Of Town And Country
Planning, Ministry Of
Development")

Harga Yuran Sebut Harga :
BND5.00 (Tidak dikembalikan)
(Pembayaran yuran sebut harga
adalah secara *Online* melalui One
Common Billing System (OCBS))



JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

JPt / TAW / 21 / 2024-2025:
Pemeliharaan Saliran Ladang Bagi
Kawasan Kemajuan Pertanian Di
Daerah Brunei Muara Zone E Bagi
Tempoh Dua (2) Tahun.
(Yuran Tawaran BND30.00 |
Borang Tawaran BND15.00)

Tarikh Tutup :
Tidak lewat Selasa, 23 September
2025, Jam 2.00 petang



JABATAN PERDANA MENTERI

**Pusat Pekerjaan Brunei
Jabatan Perdana Menteri**

Bilangan Tawaran :
JPM / PPB / CIU / COMM / 31

Tajuk Tawaran :
To Supply and Deliver Souvenirs
for Pusat Pekerjaan Brunei (PPB)
Activities and Events

Yuran Tawaran :
BND 5.00
(Tidak dikembalikan dan dibayar
melalui BIBD Online)

Tarikh Buka Tawaran :
Rabu,
6 Ogos 2025

Tarikh Tutup :
Rabu, 20 Ogos 2025,
2.00 petang



JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

**Jabatan Bandaran Bandar Seri
Begawan
Kenyataan Bagi Mendapatkan
Tawaran Sebut Harga**

Bilangan Rujukan :
JBBSB / SH / 2025-2026 / 52 /
ADMIN / 03

Tajuk Sebut Harga :
Term Contract [12 Months] For
The Provision Of Security Guard
For City Hall Building And Depot
Subok, Municipal Department
Board, Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam

Hari, Tarikh dan Jam Tutup :
Khamis,
21 Ogos 2025,
Jam 2.00 petang

**Keterangan Lanjut Boleh
Diperoleh Dari:**
Kaunter Perkhidmatan,
Bahagian Pentadbiran,
Tingkat 4, Jabatan Bandaran
Bandar Seri Begawan
Jalan Perdana Menteri



Bilangan Tawaran :
PPB / QTN / JK2025 / FOOD / 01

Tajuk Tawaran :
Penyediaan Jamuan Untuk
Jemputan Khas, Pegawai dan
Kakitangan Pusat Pekerjaan
Brunei Bagi Acara Jelajah Kerjaya
2025

Yuran Tawaran :
BND5.00
(Tidak dikembalikan dan dibayar
melalui BIBD Online)

Tarikh Buka Tawaran :
Rabu, 6 Ogos 2025.

Tarikh Tutup :
Rabu, 20 Ogos 2025,
2:00 Petang



KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN

1. Bilangan Tawaran :
KUPU SB / JKS / PE / 02-07 /
2025-2026
Formica Tabletop Replacement
Works At Room B1.04 Kolej
Universiti Perguruan Ugama Seri
Begawan

2. Bilangan Tawaran :
KUPU SB / JKS / PE / 01-08 /
2025-2026
Formica Tabletop Replacement
Works At Room B1.01 Kolej
Universiti Perguruan Ugama Seri
Begawan

3. Bilangan Tawaran :
KUPU SB / JKS / CRP / 01-08 /
2025-2026
Mencetak Keperluan Majlis
Konvokesyen Kolej Universiti
Perguruan Ugama Seri Begawan
Kali Ke-15 Tahun 1447H/2025

Tarikh Tutup :
Rabu, 27 Ogos 2025





Di Dalam Mahkamah Tinggi
Negara Brunei Darussalam
Di Bandar Seri Begawan

KES NO. BCYC / CP / 336 /
2024

Perbadanan Tabung Amanah
Islam Brunei
... Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen

Kamaruddin bin Bohari
BYIC No. 00-127175
... Penghutang
Penghakiman/Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan
telah dibuat terhadap Penghutang
yang berikut pada 3 Mei 2025.

Nama dan alamat terakhir
diketahui:

Kamaruddin bin Bohari
No. 14, Simpang 185,
Jalan Tanjung Selasih,
RPN Panchor Mengkubau,
Mentiri,
Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen: 4 Januari 2025

b) Semua Sipiutang-sipiutang
kepada nama Penghutang yang
tersebut di atas hendaklah
menghadapkan borang-borang
bukti hutang yang boleh diperolehi
di Pejabat Pegawai Penerima
Rasmi dengan seberapa boleh.

c) Semua hutang-hutang yang
seharusnya dibayar kepada
Penghutang tersebut di atas
hendaklah dihadapkan kepada
Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat
Dua, Bangunan Mahkamah Besar,
Bandar Seri Begawan, Brunei
Darussalam.

Bertarikh: 5 Julai 2025

KES NO. BCYC / CP / 336 /
2024

Perbadanan Tabung Amanah
Islam Brunei
... Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen

Kamaruddin bin Bohari
BYIC No. 00-127175
... Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Kepada Pemiutang
Untuk Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan
bertarikh 3 Mei 2025.

Notis adalah dengan ini
diberikan bahawa satu
perjumpaan Pemiutang-pemiutang
mengenai perkara di atas akan
diadakan di Pejabat Pegawai
Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bilik
(L2-20), Mahkamah Besar pada 6
Ogos 2025 jam 10.00 pagi.

Bagi membolehkan kamu
mengundi disana bukti-bukti kamu
mestilah diserahkan-simpan kepada
saya tidak lewat dari 24 jam
sebelum waktu yang ditetapkan
bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan
digunakan diperjumpaan ini
mestilah diserahkan-simpan kepada
saya tidak lewat dari 24 jam
sebelum waktu yang telah
ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi

penghutang adalah ditetapkan
pada 6 Ogos 2025 jam 10.00 pagi
di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak Pemiutang
yang telah menyerahkan bukti,
atau wakil-wakilnya yang diberi
kuasa secara bertulis, bolehlah
menyoal penghutang semasa
pemeriksaan awam penghutang,
mengenai dengan hal-halnya dan
juga sebab kegagalannya.

Bertarikh: 5 Julai 2025

KES NO. BCY / CP / 288 /
2024

Bank Islam Brunei
Darussalam Berhad
... Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen

Mahali bin Suili
BYIC No. 00-304265
... Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan
telah dibuat terhadap Penghutang
yang berikut pada 24 April 2025.

Nama dan alamat terakhir
diketahui:

Mahali bin Suili
Lot No. 73445, No. 19,
Simpang 19-4-11, Jalan Ambin,
RPN Kampung Lugu Kluster,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen:
7 Disember 2024

b) Semua Sipiutang-sipiutang
kepada nama Penghutang yang
tersebut di atas hendaklah
menghadapkan borang-borang
bukti hutang yang boleh diperolehi
di Pejabat Pegawai Penerima
Rasmi dengan seberapa boleh.

c) Semua hutang-hutang yang
seharusnya dibayar kepada
Penghutang tersebut di atas
hendaklah dihadapkan kepada
Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat
Dua, Bangunan Mahkamah Besar,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh: 12 Julai 2025

KES NO. BCY / CP / 288 /
2024

Bank Islam Brunei
Darussalam Berhad
... Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen

Mahali bin Suili
BYIC No. 00-304265
... Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Kepada Pemiutang
Untuk Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan
bertarikh 24 April 2025.

Notis adalah dengan ini
diberikan bahawa satu
perjumpaan Pemiutang-pemiutang
mengenai perkara di atas akan
diadakan di Pejabat Pegawai
Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bilik
(L2-20), Mahkamah Besar pada
18 Ogos 2025 jam 9.30 pagi.

Bagi membolehkan kamu
mengundi disana bukti-bukti kamu
mestilah diserahkan-simpan kepada
saya tidak lewat dari 24 jam
sebelum waktu yang ditetapkan
bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan
digunakan diperjumpaan ini
mestilah diserahkan-simpan kepada
saya tidak lewat dari 24 jam
sebelum waktu yang telah
ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi
penghutang adalah ditetapkan

pada 18 Ogos 2025 jam 9.30 pagi
di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak Pemiutang
yang telah menyerahkan bukti,
atau wakil-wakilnya yang diberi
kuasa secara bertulis, bolehlah
menyoal penghutang semasa
pemeriksaan awam penghutang,
mengenai dengan hal-halnya dan
juga sebab kegagalannya.

Bertarikh: 12 Julai 2025

Fatin Fikriyah binti Haji Rosli
Timbalan Pegawai Penerima
Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

Syarikat (Penggulungan) NO.
BCY / ICWP / 12 / 2024

Dalam Perkara Akta Perintah
Insolvensi (CAP 39)
dan
Dalam Perkara Saahtain Asia
Sdn Bhd

Notis Insolvensi
(Penggulungan)

Nama Syarikat:
Saahtain Asia Sdn Bhd

Alamat Pejabat Berdaftar:
Unit 7, Lot 10704,
Salambigar Industrial Park,
Brunei-Muara, BB1129,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Perintah Penggulungan:
15 Februari 2025

Tarikh dan Tempat
Perjumpaan:
24 Julai 2025 jam 10:00 pagi
Pejabat Pegawai Rasmi,
Mahkamah Besar,
Jalan Raja Isteri Pengiran
Anak Saleha,
Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh: 26 Jun 2025.

Syarikat (Penggulungan) NO.
BCY / ICWP / 12 / 2024

Dalam Perkara Akta Perintah
Insolvensi (CAP 39)
dan
Dalam Perkara Saahtain Asia
Sdn Bhd

Notis Perjumpaan Pertama
Pemiutang

(Di bawah Perintah
Penggulungan bertarikh 15
Februari 2025)

Notis adalah dengan ini
diberikan bahawa Perjumpaan
Pertama Pemiutang mengenai
perkara di atas akan diadakan di
Pejabat Pegawai Penerima
Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L2-20)
Mahkamah Besar, pada 24 Julai
2025 jam 10:00 pagi.

Bagi membolehkan kamu
mengundi disana bukti-bukti
hutang kamu mestilah
diserah-simpan kepada saya tidak
lewat dari 24 jam sebelum waktu
yang telah ditetapkan bagi
perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan
digunakan diperjumpaan ini
mestilah diserahkan-simpan kepada
saya tidak lewat dari 24 jam
sebelum waktu yang telah
ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Bertarikh: 26 Jun 2025.

Pg Siti Nursu'aidah binti Pg
Jufrizar @ Pg Tajuddin
Timbalan Pegawai Penerima
Rasmi

b/p Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

KES NO. BCY / CP / 140 /
2022

Bank Islam Brunei
Darussalam Berhad
... Pemiutang / Pemetisyen

Izatul Munirah binti Haji A
Moktal
(BYIC NO. 01-047997)
... Penghutang / Penentang

Notis Perintah Penghukuman

Sila Ambil Perhatian bahawa:

a. Satu Perintah Penghukuman
telah dibuat terhadap Penghutang
yang berikut pada 5 Julai 2025.

Nama dan alamat Bankrap:
Izatul Munirah binti Haji
A Moktal
No. 261, Jalan 77,
Kampung Perpindahan Lambak
Kanan. BC 2515.
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Permohonan:
12 Mei 2025.

b. Semua Sipiutang-sipiutang
kepada Bankrap yang tersebut di
atas hendaklah menghadapkan
Borang-borang Bukti Hutang
yang boleh diperolehi di
Pejabat Pegawai Penerima Rasmi
dengan seberapa yang boleh.

c. Semua hutang-hutang yang
seharusnya dibayar oleh Bankrap
tersebut di atas hendaklah
dihadapkan kepada Pegawai
Penerima Rasmi, Tingkat Dua,
Bangunan Mahkamah Besar,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh: 8 Julai 2025

KES NO. BCY / CP / 201 /
2024

Perbadanan Tabung Amanah
Islam Brunei
... Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen

Awang Zaini @ Zimin bin
Buang
BYIC NO. 00-255528
... Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan
telah dibuat terhadap Penghutang
yang berikut pada 24 Mei 2025.

Nama dan alamat terakhir
diketahui:

Awang Zaini @ Zimin Bin
Buang
No. 17, Simpang 18-69, Jalan
Nenas Paun,
Perumahan Kampong
Mata-Mata, Katok B.
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen:12 Oktober
2024

b) Semua Sipiutang-sipiutang
kepada nama Penghutang yang
tersebut di atas hendaklah
menghadapkan borang borang
bukti hutang yang boleh diperolehi
di Pejabat Pegawai Penerima
Rasmi dengan seberapa boleh.

c) Semua hutang-hutang yang
seharusnya dibayar kepada
Penghutang tersebut di atas
hendaklah dihadapkan kepada
Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat
Dua, Bangunan Mahkamah Besar,
Bandar Seri Begawan, Negara
Brunei Darussalam.

Bertarikh: 30 Jun 2025

KES NO. BCY / CP / 201 /
2024

Perbadanan Tabung Amanah
Islam Brunei
... Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen

Awang Zaini @ Zimin bin
Buang
BYIC NO. 00-255528
... Penghutang Penghakiman /

Penentang

Notis Kepada Pemiutang
Untuk Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan
bertarikh 24 Mei 2025.

Notis adalah dengan ini
diberikan bahawa satu
perjumpaan Pemiutang-
pemiutang mengenai perkara di
atas akan diadakan di Pejabat
Pegawai Penerima Rasmi,
Tingkat 1, Bilik (L1-7),
Mahkamah Besar pada 28 Julai
2025 jam 9.00 pagi.

Bagi membolehkan kamu
mengundi disana bukti-bukti kamu
mestilah diserahkan-simpan kepada
saya tidak lewat dari 24 jam
sebelum waktu yang ditetapkan
bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan
digunakan diperjumpaan ini
mestilah diserahkan-simpan kepada
saya tidak lewat dari 24 jam
sebelum waktu yang telah
ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi
penghutang adalah ditetapkan
pada 28 Julai 2025 jam 9.00 pagi
di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak Pemiutang
yang telah menyerahkan bukti,
atau wakil-wakilnya yang diberi
kuasa secara bertulis, bolehlah
menyoal penghutang semasa
pemeriksaan awam penghutang,
mengenai dengan hal-halnya
dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh: 30 Jun 2025

Nuuror-Raheebah binti Haji
Abd Wahab
Timbalan Pegawai Penerima
Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar



Bilangan Sebut Harga :
KSSUP / BPK / JKSH / ASET / 07 /
2025-2026

Tajuk Sebut Harga :
Renovation And Upgrading Of
Offices At Ministry Of Primary
Resources And Tourism

Tarikh Buka Sebut Harga :
Isnin, 11 Ogos 2025

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Khamis, 11 September 2025,
Jam 2.00 petang

Tarikh Taklimat :
Isnin, 1 September 2025,
Jam 10.00 pagi

Yuran Setiap Satu Sebut Harga :
BND5.00 (Tidak dikembalikan)
Pembayaran Adalah Secara
Dalam Talian





Tawaran Bagi :
'The Supply And Delivery Of Meteorological Upper Wind Observation Balloons (30G) To Brunei Darussalam Meteorological Department'

Bilangan Tawaran :
JKBD / 2025 / SH-13

Tarikh Tutup :
Rabu, 27 Ogos 2025

Kepada :
Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
Jabatan Kajicuaca Brunei
Darussalam Aras Permukaan
Blok B23, Flat Anggerek Desa
Simpang 32-37
Kampung Anggerek Desa,
Mukim Berakas BB3713
Negara Brunei Darussalam



JPH / 003 / SH / 2553 / 2025 - 2026

Membaik Pulih Gabion Wall dan Scouring Behind Seawall Di Taman Rekreasi Tumpuan Telisai, Daerah Tutong

Syarat: Dibukakan kepada penender-penender yang berdaftar di Kementerian Pembangunan di dalam Kelas I Ke Atas Dan Sub Kategori KA 01 Kerja-Kerja Am Kejuruiteraan Am

Borang Pendaftaran Syarikat (Jika belum berdaftar):
BND10.00

Borang Sebut Harga :
BND5.00 [Tidak dikembalikan]

Tarikh Terakhir Membeli Dokumen :
27 Ogos 2025
(Rabu)

Tarikh Tutup Sebut Harga :
18 September 2025
(Khamis)



Bilangan Tawaran :
(57) JBS / ADM / QC / 2025

Keterangan :
Five Years (5) Term Contract for Provision of Food And Beverage (F&B) Vending Machine at Stadium Negara Hassanal Bolkiah Complex

Yuran Tawaran :
BND5.00

Bilangan Tawaran :
(58) JBS / ADM / QC / 2025

Keterangan :
Supply, Fabricate and Install New Pump, Swimming Pool at Pusat Belia BSB

Yuran Tawaran :
BND5.00

Bilangan Tawaran :
(59) JBS / ADM / QC / 2025

Keterangan :
Supply and Delivery New Diesel Tractor C/W Rotaslasher and Canopy at Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas

Yuran Tawaran :
BND5.00

Tarikh Tutup :
28 Ogos 2025



DA / JKSH / 83 / 2025 / 2026 [BPPA-OGOS-2025]

Sebut Harga Perkhidmatan Cafe bagi Pusat Perkhidmatan Setempat Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam

Bayaran Yuran Sebut Harga :
BND5.00

Tarikh Tutup / Waktu :
Sabtu,
23 Ogos 2025,
Jam 9.00 pagi



Tawaran Terbuka Bagi Membekal dan Menghantar Terus Buku Teks Mata Pelajaran Bahasa Inggeris Tahun 7 Dan Tahun 8

MOE / LTK / 52 / 2025 / 2026 (JPK-OGOS-2025)

Tawaran Terbuka Bagi Membekal dan Menghantar Terus Buku Teks Mata Pelajaran Bahasa Inggeris Tahun 7 dan Tahun 8 Ke Sekolah-Sekolah Menengah Kerajaan, Negara Brunei Darussalam Bagi Tahun Kewangan 2025 / 2026

Bayaran Yuran/ Dokumen Tawaran :
BND30.00

[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

Tarikh Tutup Dan Waktu :
Selasa,
26 Ogos 2025
[Tidak lewat jam 2.00 petang]



Bilangan Tawaran :
RTB / 1206-005 / (02)

Tajuk Tawaran :
Supply, Delivery, Installation, Testing, Training & Commissioning of 4K Outside Broadcast TV Production Facilities & System Integration (Bangunan Tambahan RTB - Pembinaan Blok Operasi Penyiaran & Dewan Serbaguna Studio di Kompleks Penyiaran RTB Sungai Akar)

Bayaran Tawaran :
BND500.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup :
Selasa,
16 September 2025,
Jam 2.00 petang



Bilangan Sebut Harga :
13 / JMM / S / 12 / 91 (2025/2026) – R

Tajuk Sebut Harga:
Term Contract (24 Months) Maintenance Of Air-Conditioning System At Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja, Bandar Seri Begawan

Tarikh Tutup :
Khamis, 28 Ogos 2025,
Jam 2.00 petang



Membersihkan Kawasan Luar dan Dalam Unit Kenderaan, Jabatan Perdana Menteri, Kawasan Lapangan Terbang Lama Berakas

Tarikh Tutup :
Rabu, 27 Ogos 2025



Bilangan Tawaran :
JPI / 04 / 2025

Tajuk:
To Conduct Feasibility Study Assesment For Sustainable Aquaculture At New Fish Cage Culture Sites, Brunei Darussalam

Tarikh Tutup :
Selasa, 30 September 2025



Bilangan Sebut Harga:
14 / JMM / S / 12 / 91
(2025 / 2026)

Tajuk Sebut Harga:
Sebut Harga Bagi Pembelian Peralatan, Perkakas dan Kimia Bahagian Pemeliharaan dan Pembaikan, Jabatan Muzium-Muzium

Tarikh Tutup:
Khamis, 28 Ogos 2025,
Jam 2.00 petang



1. Rujukan Tawaran :
POS / T / 19 / JPP / 2025 - 2026

Perkhidmatan Pemotongan Pokok dan Pembersihan Kawasan Di Pejabat Pos Salambigar dan Pejabat Pos Telisai

2. Rujukan Tawaran :
POS / T / 20 / JPP / 2025 - 2026

Membekalkan, Memasang dan Pengiklanan Media (Advertising Banner) Di Pejabat Besar Pos, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam

3. Rujukan Tawaran :
POS / T / 21 / JPP / 2025 - 2026

Kerja-Kerja Menaiktaraf dan Pengubahsuaian Termasuk Mereka Bentuk Perhiasan Dalam Kaunter Cawangan dan Galeri Setem (Pos BSB Kedai Filatelik / Philatelic Shop) Pejabat Besar Pos, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam

4. Rujukan Tawaran :
POS / T / 22 / JPP / 2025 – 2026
Penyewaan Ruang Kaunter Kosong Di Pejabat Pos Bagi Menjalankan Perkhidmatan Insurans Di Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup:
Selasa,
19 Ogos 2025





قيستا بوكو بروني ٢٠٢٥

Pesta Buku Brunei 2025

Anjuran
Dewan Bahasa dan Pustaka
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan



28 Safar – 7 Rabiulawal 1447
22 – 31 Ogos 2025



Setiap Hari
8.30 pagi – 9.30 malam



Pusat Persidangan
Antarabangsa, Berakas

Hari Jumaat

8.30 pagi – 11.30 pagi
2.30 petang – 9.30 malam



+673 2382511



www.dbp.gov.bn



[dbpbrunei](https://www.instagram.com/dbpbrunei)
[pbbrunei](https://www.instagram.com/pbbrunei)



[dbpbrunei](https://www.tiktok.com/@dbpbrunei)



Dewan Bahasa dan
Pustaka Brunei

IMBASAN MINGGUAN

ANTARA aktiviti semasa Program Literasi Penerangan iaitu mengapit kain bagi memelihara jati diri kebruneian. - Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.

JERAYAWARA Kenali ASEAN untuk membarigakan serta memberikan pendedahan meluas mengenai maklumat asas berkaitan ASEAN kepada pelajar-pelajar Sekolah Menengah Sayyidina Husain. - Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.

ANTARA aktiviti yang dianjurkan semasa Sambutan Hari Keluarga TASKA bagi Tahun 2025. - Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman.

SALAH seorang graduan pada Majlis Konvokesyen Universiti Brunei Darussalam Ke-37 Tahun. - Foto : Shahwal Ibrahim Tajudin.

SUASANA gembira pada Kejohanan Skim Olahraga 2024-2025 di Bawah 21 Tahun di Daerah Temburong. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.

AKSI peserta pada Kejohanan Lawan Pedang Piala Borneo Kali Ke-2 Tahun 2025 anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas. - Foto : Nurdyanah Rajami.



Menjelajahi kuasa analitik data

Oleh : Nurhamiza Haji Roslan
Foto : Ihsan Freeplik

Pendahuluan

DALAM era digital masa kini kita boleh memperoleh data di mana-mana. Setiap klik di laman sesawang ataupun apa-apa aktiviti dalam talian kita lakukan menggunakan peranti pintar yang ada akan menghasilkan data. Perlu diketahui data mentah ataupun data yang belum diproses tidak membawa apa-apa hasil yang bermakna melainkan ia dianalisis, difahami, dan ditukar kepada maklumat yang boleh digunakan. Di sinilah proses analitik data memainkan peranan penting dan boleh membantu kita memahami data, mengenal pasti trend dan membuat ramalan mengenai sesuatu situasi. Ini boleh membantu kita sebagai pengguna dalam membuat keputusan termaklum.

Untuk lebih memahami analitik data, ia boleh dianggap sebagai satu proses untuk memeriksa, membersihkan, mengubah dan memodelkan data untuk menemukan maklumat yang berguna, membuat kesimpulan dan menyokong pembuatan keputusan. Ia menggabungkan pengiraan matematik, statistik dan sains komputer untuk menukar data besar kepada cerapan data yang mudah difahami dan digunakan. Contoh penggunaan analitik data boleh dilihat pada perniagaan-perniagaan di mana data dikumpul dan diproses untuk memahami trend penjualan produk, trend produk-produk yang mendapat perhatian dari orang ramai. Data-data ini kemudian dianalisis lagi untuk mengenal pasti peluang pasaran baharu, justeru itu mengurangkan risiko kerugian bagi peniaga.

Fungsi dan kepentingan analitik data

Terdapat empat jenis utama analitik data iaitu analitik data deskriptif, diagnostik, ramalan dan preskriptif. Analitik data deskriptif meringkaskan data sejarah seperti laporan jualan, trafik laman sesawang yang membolehkan kita mengetahui keramaian jumlah orang yang melayari atau mengunjungi laman sesawang syarikat kita atau laman sesawang yang kita bina secara am. Analitik diagnostik pula melihat kepada analisis punca atau analisis penyebab sesuatu kejadian. Manakala analitik ramalan, menggunakan sejarah data untuk meramalkan apa yang mungkin berlaku pada masa depan, contohnya, meramalkan pengurangan minat pelanggan kepada sesuatu produk. Untuk analitik preskriptif, ini merujuk kepada jenis analitik yang boleh mencadangkan tindakan berdasarkan hasil yang diramalkan, contohnya, mencadangkan masa terbaik untuk melancarkan produk.

Dalam dunia yang dipenuhi maklumat, analitik data membantu individu atau sesuatu organisasi itu untuk mendapatkan kejelasan. Sama ada perniagaan kecil yang ingin memahami tingkah laku pelanggan atau agensi kerajaan yang ingin meningkatkan Perkhidmatan Awam, analitik data membantu untuk membuat keputusan-keputusan yang perlu dibuat ke arah memperbaiki perniagaan atau perkhidmatan berdasarkan bukti. Selain itu, analitik data boleh membantu mengenal pasti halangan dan perkara-perkara yang boleh membawa kepada pembaziran masa, tenaga manusia dan pembaziran sumber. Syarikat

atau perniagaan yang menggunakan analitik data dengan berkesan selalunya berkebolehan dalam mengatasi pesaing mereka.

Apa yang diperlukan untuk memulakan analitik data

Untuk memulakan analisis data, seseorang itu perlu memperoleh kemahiran teknikal yang berkaitan, pemahaman yang kukuh tentang asas-asas dan keupayaan untuk menerapkan data kepada masalah dunia sebenar. Ini termasuk menguasai bahasa pengaturcaraan seperti Python, R dan SQL serta alat visualisasi data seperti Tableau dan Power BI. Selain itu, asas dalam statistik dan keupayaan untuk membersihkan dan praproses data. Juga penting ialah untuk membangunkan komunikasi yang kukuh dan kemahiran menyelesaikan masalah untuk menyampaikan cerapan data dengan berkesan. Kecerdasan Buatan (AI) dan pembelajaran mesin juga boleh meningkatkan analitik data. Pengkomputeran Awan juga memainkan peranan besar kerana ia membolehkan penyimpanan dan penganalisis set data besar tanpa memerlukan infrastruktur fizikal yang mahal.

Cabaran analitik data

Analitik data tidak terhad kepada syarikat teknologi. Ia digunakan dalam hampir setiap industri termasuk industri kesihatan, kewangan, pendidikan dan banyak lagi. Dari segi penjagaan kesihatan analitik data boleh digunakan untuk meramalkan wabak penyakit,

meningkatkan penjagaan pesakit, dan mengoptimalkan operasi hospital. Dalam industri kewangan, analitik data boleh digunakan untuk mengesan penipuan, mengurus risiko, dan membimbing keputusan pelaburan. Untuk pendidikan pula, analitik data dapat digunakan untuk menjejaki prestasi pelajar dan menyesuaikan laluan pembelajaran.

Walaupun banyak kelebihan, terdapat beberapa cabaran dengan berkenaan penggunaan analitik data. Sebagai contoh, cerapan data yang berkualiti tergantung kepada data yang ada. Data yang tidak tepat, tidak lengkap, atau berat sebelah boleh membawa kepada pembuatan keputusan yang salah. Selain itu, cabaran berkaitan isu keseimbangan privasi. Analitik data boleh melibatkan pengendalian data sensitif, adalah penting untuk penganalisa melakukan kerja-kerja berkaitan analitik data dengan bertanggungjawab dan beretika dan peka akan undang-undang perlindungan data dan privasi. Cabaran seterusnya ialah jurang kemahiran di mana permintaan untuk data profesional semakin meningkat, tetapi terdapat kekurangan orang berkemahiran dalam bidang analitik data.

Analitik data bukan sekadar istilah moden - ia adalah alat yang berkuasa yang boleh mengubah cara kita hidup, bekerja dan berinteraksi dengan dunia. Mereka yang dapat memanfaatkannya akan mempunyai kelebihan yang besar sama ada ia seorang pemilik perniagaan, pelajar, atau hanya seorang yang ingin menggunakan analitik data untuk tujuan penyelidikan, memahami analitik data membuka pintu kepada pelbagai kemungkinan.



Rakan Mandiri bantu bina keyakinan dan semangat baharu

Rencana dan Foto : Marlinawaty Hussin

PERSATUAN Basmi Dadah (BASMIDA) terus memperkukuh perannya sebagai Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang komited dalam usaha memerangi penyalahgunaan dadah, bukan sahaja melalui pencegahan, tetapi juga dengan memberi sokongan selepas pemulihan.

Komitmen tersebut dizahirkan melalui penganjuran Majlis Perasmian Bilik Terapi Urut dan Refleksologi serta Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Establimen Rawatan Kesihatan dan Kecantikan Waty Armezya (WA).

Majlis yang diadakan baru-baru ini di Ibu Pejabat BASMIDA, Kampung Anggerek Desa menandakan satu lagi langkah proaktif persatuan berkenaan untuk memperkasa ahli komuniti ke arah kehidupan yang lebih produktif dan berdikari.

Naib Yang Dipertua BASMIDA, Hajah Linda Aini binti Abdullah selaku Pengerusi Majlis, berkata, sebagai sebuah NGO, adalah menjadi kewajipan BASMIDA untuk mengambil peduli terhadap golongan berkenaan.

"Fokus kami adalah kepada *aftercare* iaitu khidmat susulan untuk mereka yang pernah terlibat dalam kes penyalahgunaan dadah sama ada yang baharu keluar dari penjara atau pernah disabitkan dengan kes berkaitan," katanya kepada Pelita Brunei.

Setakat ini, jelasnya, 11 orang Rakan Mandiri telah mengikuti Kursus Terapi Urut dan Refleksologi yang dianjurkan BASMIDA dan mereka berhasrat untuk melaksanakan lebih banyak lagi program.

"Malah, permintaan daripada peserta lelaki sangat tinggi khususnya untuk kursus urut dan refleksologi. Ramai juga yang bertanya mengenai Kursus Bekam kerana ia

mempunyai manfaat yang baik," katanya.

Matlamat projek Rakan Mandiri, tambahnya, adalah untuk membantu golongan berkenaan berdiri di atas kaki sendiri dan tidak bergantung kepada bantuan.

"Kami mendidik mereka untuk berusaha dan berdikari kerana mereka masih muda, kuat dan mampu membuktikan bahawa kegagalan lalu bukan bermakna gagal selamanya.

"Kami sentiasa menekankan bahawa kegagalan bukan titik akhir kerana setiap insan berpotensi untuk berubah apabila diberi ruang dan peluang.

"Kita mesti bersikap terbuka dan jangan memandang rendah golongan ini. Sebaliknya, kita perlu mengangkat martabat mereka. Mungkin mereka tidak berpeluang menyuarakan masalah kepada sesiapa tetapi persatuan seperti BASMIDA inilah yang harus menjadi penggerak dan bertindak lebih proaktif," katanya.

Melalui projek ini, tambahnya, Rakan Mandiri boleh memulakan perniagaan tanpa perlu membayar sewa atau kos tambahan. Hasil yang mereka dapat adalah daripada titik peluh sendiri dan ini memberi mereka rasa bangga.

"Kami berharap dapat melakukan lebih banyak kursus yang akan membantu mereka terus maju lagi pada masa akan datang," katanya.

Sementara itu, Pengurus Kecantikan WA, Nurul Suhainah Saffura binti Haji Suhaili merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak BASMIDA kerana memberi peluang kepada mereka untuk bekerjasama dalam menganjurkan latihan praktikal refleksologi dan urutan tradisional.

"Usaha ini bertujuan untuk sama-sama menyokong rakan-rakan BASMIDA, sekali gus

meningkatkan keyakinan mereka untuk mendalami bidang ini pada masa hadapan.

"Dengan kemahiran yang diperoleh, mereka dapat mempraktikkannya dari semasa ke semasa," katanya.

Menurut beliau, ilmu terapi tradisional dan refleksologi kini semakin pupus dan salah satu usaha WA adalah untuk memastikan ilmu tersebut terus kekal dan diwarisi melalui kerjasama erat bersama pihak BASMIDA.

"Apa yang kami ajarkan kepada para pelatih adalah asas urutan tradisional seluruh badan serta asas refleksologi tangan dan kaki. Ini merupakan ilmu awal yang menjadi landasan penting bagi rawatan dan urutan tradisional.

"Harapan saya kepada Rakan-rakan Mandiri BASMIDA ialah agar mereka memanfaatkan sepenuhnya ilmu ini, mengembangkannya lebih jauh dan menjadikannya sebagai salah satu kejayaan selepas apa yang mereka lalui.

"Mereka mesti bangkit dengan semangat baharu. Dengan asas kemahiran ini, saya percaya ia dapat membantu mereka memberi sumbangan kembali kepada komuniti, khususnya masyarakat Brunei," katanya.

Pelita Brunei turut menemui bual beberapa Rakan Mandiri BASMIDA yang menyertai kursus berkenaan mengenai kemahiran yang telah mereka pelajari.

Salah seorang Rakan Mandiri BASMIDA berkata, banyak pengalaman dan kemahiran yang mereka peroleh daripada kursus tersebut.

"Saya sendiri memang sejak dahulu lagi berminat untuk berkecimpung dalam bidang urutan dan minat ini saya warisi daripada nenek saya.

"Harapan saya adalah untuk melangkah lebih jauh dalam mempelajari bidang urutan dan mencapai kejayaan di dalamnya," katanya.

Beliau menambah, maklum balas daripada orang ramai juga sangat positif.

Jelasnya mereka memuji hasil kerja kami dan kami amat berterima kasih kepada pihak BASMIDA kerana menyediakan kemudahan bilik urutan yang selesa untuk kami menjalankan perkhidmatan. Sebelum ini, perkhidmatan urutan kami hanya dilakukan secara bergerak dari rumah ke rumah khususnya untuk saudara-mara dan rakan-rakan yang memerlukan.

Salah seorang lagi Rakan Mandiri BASMIDA menerangkan dengan mempelajari ilmu ini, ia dapat membantu orang ramai yang memerlukan perkhidmatan urutan dan ia memberikan keyakinan kepadanya untuk menggunakan kemahiran tersebut pada bila-bila masa.

"Selain menjadi sumber pendapatan, ilmu urutan ini juga dapat saya wariskan kepada anak cucu sebagai bekalan berharga untuk masa hadapan mereka," tambahnya.

"Melalui kursus yang mereka sertai mereka juga didedahkan dengan panduan menetapkan harga perkhidmatan urutan secara berpatutan.

"Dengan bantuan pihak BASMIDA, kami tidak lagi perlu risau mengenai peralatan atau lokasi yang sesuai kerana semuanya telah disediakan oleh persatuan tersebut tanpa dikenakan sebarang bayaran sewa. Kepercayaan dan sokongan ini membangkitkan keyakinan kami untuk berdiri di atas kaki sendiri," katanya.

Latihan, kemahiran, kemudahan yang disediakan serta kepercayaan yang diberikan oleh BASMIDA kepada para peserta diharap dapat membolehkan Rakan Mandiri menjana pendapatan sendiri, serta membina keyakinan dan semangat baharu untuk mereka melangkah ke hadapan.



سورھنجاي ڦرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
 JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
 WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

Semak Kedudukan Permohonan awda bagi mengetahui status jawatan kosong yang telah dipohon

1



2



3



WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

3 AHLI PPPBD SERTAI 15TH ASIA PACIFIC REGIONAL CONFERENCE 2025

BERAKAS, Sabtu, 16 Ogos. - 15th Asia Pacific Regional Conference 2025 adalah anjuran World Association of Girl Guides and Girl Scouts (WAGGGS) and the Asia Pacific Regional Committee.

Persidangan berkenaan diadakan buat kali ke-15 dengan tema 'Stronger Together' dan dihoskan oleh The Bharat Scouts and Guides.

Persidangan khusus untuk Ahli-ahli WAGGGS rantau Asia Pasifik berkenaan dan diadakan sekali dalam jangka masa tiga tahun dan Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD) merupakan ahli penuh WAGGGS.

Sehubungan dengan itu, seramai tiga Ahli PPPBD berlepas meninggalkan negara pagi tadi bagi menyertai persidangan berkenaan dari 19 hingga 23 Ogos 2025.

Rombongan negara diwakili oleh Naib Yang Dipertua PPPBD, Dayang Hajah Viviyanti binti Haji Md. Ali, selaku Ketua Perwakilan.

Sementara perwakilan lain ialah ahli-ahli yang dilantik Council PPPBD, Dr. Hajah Sophiana Chua Abdullah; dan Dayang Hajah Siti Suhaila binti Dato Paduka Haji Abdul Kani.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar,

SERAMAI tiga Ahli Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam berlepas meninggalkan negara bagi menyertai persidangan berkenaan dari 19 hingga 23 Ogos 2025.

Ketua Pesuruhjaya PPPBD, Dayang Norazrina binti Haji Sarbini, bersama beberapa Ahli PPPBD yang lain.

Antara objektif utama persidangan berkenaan adalah menggubal dasar dan melantik Ahli-ahli WAGGGS Asia Pacific Regional Committee, serta membincangkan mengenai meluluskan *proposed motion* yang telah dikemukakan oleh ahli-ahli penuh WAGGGS di dalam rantau Asia Pasifik.

Selain itu, ia juga merupakan peluang dan platform untuk ahli-ahli berkumpul, berkongsi dan berbincang mengenai hal-hal berkepentingan dan kaedah terbaik dalam membantu perkembangan ahli-ahli persatuan, dan membentuk strategi untuk masa depan serta merangka perancangan yang bersesuaian dengan keperluan dan keutamaan ahli-ahli persatuan.

Seramai 120 peserta daripada 26 ahli persatuan atau negara dijangkakan akan menghadiri



persidangan berkenaan.

Antara pengisian persidangan ialah sesi pemilihan untuk Ahli-ahli WAGGGS Asia Pacific Regional Committee serta sesi perbincangan mengenai dan meluluskan *proposed motion* yang telah dikemukakan lebih awal.

Para peserta juga berpeluang untuk mengikuti beberapa sesi

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Hernie Suliana Haji Othman

bengkel, forum, perbincangan dan pembentangan mengenai topik-topik yang berkepentingan termasuk 'Introduction to Organisational Leadership Practice', 'Shared Leadership : Leading Teams' dan 'Leading

Change For An Equal World Where All Girls Can Thrive'.

Persidangan berkenaan turut diselenggarakan dengan penyampaian anugerah dan penghargaan bagi Ahli-ahli Friends of Asia Pacific WAGGGS (FAPW).

38 belia OKU terima sijil YDC 2025

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Azmah Haji Ahad, Ihsan MKOKU Kumpulan Nadi Asy-Syura, Institut Perkhidmatan Awam

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 16 Ogos. - Seramai 38 belia Orang Kelainan Upaya (OKU) daripada persatuan Ahli Majlis Kesejahteraan Orang Kelainan Upaya (MKOKU), Pusat Bahagia dan Jabatan Pendidikan Khas telah menyertai Program Kem Belia Kelainan Upaya (Youth Disability Camp - YDC) 2025 yang berlangsung selama tiga hari bermula 14 hingga 16 Ogos.

Sehubungan itu, Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil telah berlangsung di Dewan Bilik Hijau, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, hari ini.

Hadir bagi menyempurnakan sijil-sijil berkenaan ialah Naib Yang Dipertua II, Awang Muhammad

MAJLIS Penutup dan Penyampaian Sijil bagi Program Kem Belia Kelainan Upaya (Youth Disability Camp - YDC) 2025 diadakan di Dewan Bilik Hijau, Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Hamzi bin Omar juga selaku Pengurus Projek YDC MKOKU.

Program tersebut merupakan anjuran Kumpulan Nadi Asy-Syura melalui Program Eksekutif Muda Kohort 10 (YEP-10), Institut Perkhidmatan Awam yang bertajuk 'Shift Your Perspective'.



NAIB Yang Dipertua II, Awang Muhammad Hamzi bin Omar juga selaku Pengurus Projek YDC MKOKU hadir bagi menyempurnakan sijil-sijil berkenaan.



MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Kebaikan Menjadi Masyarakat Berdisiplin, Bertoleransi'. Tarikh Tutup : 20 Ogos 2025
2. 'Pembangunan Ekonomi Digital: Peluang dan Cabaran'. Tarikh Tutup : 27 Ogos 2025
3. 'Penyebaran Maklumat Palsu: Cabaran Dunia Digital Masa Kini'. Tarikh Tutup : 3 September 2025

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang



AUSTRALIA BUKA KEMUDAHAN MELINDUNGI 13 JUTA SPESIMEN BIODIVERSITI

CANBERRA, 16 Ogos. - Agensi Sains Kebangsaan Australia telah membuka pusat biodiversiti

untuk melindungi lebih 13 juta spesimen.

Bangunan baharu itu, dinamakan Diversity, di ibu negara Canberra, menyatukan Koleksi Hidupan Liar Kebangsaan Australia dan Koleksi Serangga Kebangsaan Australia di bawah satu bumbung dalam peti besi yang

dikawal suhu, kebakaran belukar dan perosak, menurut kenyataan yang dikeluarkan pada Khamis lalu oleh Pertubuhan Penyelidikan Saintifik dan Perindustrian Komanwel (CSIRO).

Diversity menempatkan salah satu koleksi burung Australia dan Papua New Guinea terbesar di dunia, arkib serangga yang luas, dan spesimen lain yang dipelihara sepanjang 150 tahun, untuk membantu biosekuriti, pemuliharaan, daya tahan iklim dan pengurusan alam sekitar.

"Mereka adalah kuasa tersembunyi, menyokong segala-galanya daripada menjejaki pencerobohan perosak

hingga menemui spesies baharu dan memahami kepelbagaian genetik ekosistem asli Australia," kata Ketua Eksekutif CSIRO, Doug Hilton.

Dilengkapi dengan makmal genomik dan pendigitalan termaju, pusat bernilai AUD90 juta (AS\$59 juta) akan membolehkan penyelidik dan saintis rakyat di seluruh dunia mengekstrak DNA, menangkap imej resolusi tinggi dan berkongsi data.

Dibiayai bersama oleh CSIRO dan Jabatan Pendidikan, projek itu bermula pada 2022, dengan pembinaan mengambil masa lebih dua tahun dan setahun lagi untuk memindahkan 13 juta spesimen, katanya. - ©XINHUA



FOTO fail yang diambil pada 13 Jun 2025 ini menunjukkan laci spesimen kumbang sebagai sebahagian daripada Koleksi Serangga Kebangsaan Australia di Canberra, ibu negara Australia.

Lebih 250 maut akibat hujan lebat, banjir kilat di Pakistan - Laporan

ISTANBUL, 16 Ogos. - Banjir kilat dan tanah runtuh akibat hujan lebat mengorbankan lebih 250 nyawa di Pakistan pada Sabtu, lapor penyiar tempatan Geo, lapor Anadolu Ajansi (AA).

Kebanyakan mangsa yang maut adalah dari wilayah barat laut Khyber Pakhtunkhwa dengan pihak berkuasa mengesahkan 224 kematian.

Kematian turut dilaporkan di wilayah Gilgit-Baltistan dan Kashmir yang ditadbir Pakistan, juga dikenali sebagai Azad Jammu dan Kashmir.

Sekolah-sekolah di Azad Jammu dan Kashmir ditutup pada Sabtu berikutan risiko yang berterusan ketika hujan lebat terus melanda wilayah itu.

Puluhan rumah rosak di kawasan terjejas, manakala komunikasi di beberapa lokasi terputus akibat kerosakan menara telekomunikasi.

Sebuah helikopter yang membawa bekalan bantuan terhempas pada Jumaat, mengorbankan lima kru termasuk dua juruterbang, di wilayah Khyber Pakhtunkhwa.

Jurucakap pasukan penyelamat wilayah, Bilal Ahmed Faizi, sebelum ini memberitahu Anadolu melalui telefon bahawa hujan lebat dan hujan badai telah menyebabkan banjir besar di Khyber Pakhtunkhwa.

Pasukan penyelamat memaklumkan hujan lebat dan hujan badai pada pagi Jumaat telah

menyebabkan banjir besar di kawasan Salarzai, daerah Bajaur, yang mengakibatkan beberapa rumah dihanyutkan.

Pihak berkuasa tempatan telah memindahkan ramai penduduk ke kawasan lebih selamat susulan hujan dan tanah runtuh di Khyber Pakhtunkhwa serta wilayah Gilgit-Baltistan.

Pihak Berkuasa Pengurusan Bencana Negara telah memberi amaran mengenai satu lagi fasa hujan monsun bermula Jumaat hingga 10 September.

Pihak berkuasa turut memberi amaran bahawa kenaikan suhu mempercepatkan pencairan salji dan glasier di kawasan tanah tinggi, sekali gus meningkatkan aliran air sungai. - ©BERNAMA

Republik Singapura : Banduan kes dadah terlepas hukuman mati selepas petisyen pengampunan

REPUBLIK SINGAPURA, 16 Ogos. - Seorang lelaki yang sebelum ini dijatuhi hukuman mati di Republik Singapura kerana mengedar dadah telah diringankan hukumannya kepada penjara seumur hidup, selepas berjaya dalam petisyen pengampunan, menurut laporan media tempatan.

Tristan Tan Yi Rui dijatuhi hukuman mati pada Februari 2023 kerana mengedar 337.6 grammethamphetamine, dengan sabitan dan hukuman terhadapnya kemudian dikekalkan oleh Mahkamah Rayuan, lapor The Straits Times (ST).

Kementerian Ehsan Dalam Negeri (MHA), sebagai respons kepada pertanyaan ST, berkata Presiden Tharman Shanmugaratnam pada 14 Ogos telah memberikan pengampunan kepada Tan, atas nasihat Kabinet.

Kementerian itu menyatakan bahawa walaupun Kabinet dinasihatkan bahawa hukuman yang dijatuhkan ke atas Tan adalah sah di sisi undang-undang, satu syor dibuat untuk memberinya pengampunan berdasarkan fakta dan keadaan khusus kes itu.

Tan ditahan semasa operasi Biro Narkotik Pusat (CNB) pada 2018 yang turut membawa kepada penahanan beberapa individu lain.

Seorang daripada individu yang ditahan semasa operasi sama, yang dibicarakan secara berasingan atas pertuduhan yang membawa hukuman mati, akhirnya menerima hukuman yang tidak melibatkan hukuman mati.

"Kabinet memutuskan untuk menasihatkan pemberian pengampunan kepada Tan bagi mengurangkan perbezaan dalam keputusan kes masing-masing," kata MHA, seperti yang dipetik oleh ST.

MHA menambah bahawa dalam kes yang melibatkan banduan hukuman mati, hukuman mati boleh diringankan kepada hukuman penjara, denda atau kedua-duanya. - ©BERNAMA

31 negara Arab, Islam macam visi 'Greater Israel', dasar peluasan kuasa Netanyahu

ISTANBUL, 16 Ogos. - Menteri-menteri luar 31 negara Arab dan Islam bersama Setiausaha Agung Liga Arab, Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) serta Majlis Kerjasama Teluk (GCC), pada Jumaat mengecam sekeras-kerasnya kenyataan terbaharu Perdana Menteri Israel, Benjamin Netanyahu mengenai apa yang dikenali sebagai 'Greater Israel', dengan memberi amaran bahawa ia mengancam keselamatan negara Arab dan kestabilan serantau, lapor Anadolu Ajansi (AA).

"Kenyataan-kenyataan ini menunjukkan sikap tidak mengendahkan secara serius serta merupakan pelanggaran terang-terangan dan berbahaya terhadap peraturan undang-undang antarabangsa serta asas hubungan antarabangsa yang stabil.

"Ia juga merupakan ancaman langsung terhadap keselamatan negara Arab, kedaulatan negara, serta keamanan dan keselamatan serantau dan antarabangsa," menurut mereka dalam satu kenyataan bersama.

Netanyahu memberitahu

saluran berita i24 pada Selasa bahawa beliau berasa sangat terikat dengan visi Greater Israel.

Beliau menyifatkan dirinya sedang menjalankan misi bersejarah dan spiritual yang diimpikan oleh generasi Yahudi terdahulu untuk datang ke tanah ini dan akan diteruskan oleh generasi Yahudi pada masa depan.

'Greater Israel' merupakan istilah dalam politik Israel merujuk kepada peluasan wilayah Israel yang merangkumi Tebing Barat, Semenanjung Gaza dan Bukit Golan di Syria, dengan beberapa tafsiran turut memasukkan Semenanjung Sinai di Mesir dan sebahagian Jordan.

Blok itu menegaskan bahawa walaupun negara anggotanya kekal komited terhadap prinsip legitimasi antarabangsa dan Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengenai larangan penggunaan atau ancaman kekerasan, mereka akan menerima pakai semua dasar dan langkah yang memelihara keamanan dengan cara yang memberi manfaat

kepada kepentingan semua negara dan rakyat.

Kenyataan bersama itu turut mengecam tindakan Menteri Kewangan Israel berhaluan kanan, Bezalel Smotrich, yang meluluskan pembinaan penempatan haram baharu di Tebing Barat yang diduduki serta penolakannya terhadap penubuhan sebuah negara Palestin, menyifatkannya sebagai serangan terang-terangan terhadap hak rakyat Palestin untuk sebuah negara merdeka dan berdaulat dengan Baitulmuqaddis Timur sebagai ibu negara.

Blok itu mengulangi bahawa Israel tidak mempunyai kedaulatan ke atas mana-mana bahagian wilayah Palestin yang diduduki dan mengecam semua aktiviti penempatan Israel sebagai pelanggaran undang-undang antarabangsa serta Resolusi 2334 Majlis Keselamatan PBB. Ia juga menegaskan semula pendapat nasihat Mahkamah Keadilan Antarabangsa yang mendapati pendudukan Israel adalah haram dan menyeru ia ditamatkan segera.

Kenyataan itu turut memberi amaran mengenai bahaya besar dasar peluasan kuasa Israel di Tebing Barat, termasuk pencerobohan harian ke atas bandar serta kem pelarian Palestin, keganasan oleh peneroka haram dan serangan terhadap tapak suci Islam dan Kristian, khususnya Masjid al-Aqsa. Tindakan itu menurut para menteri, hanya menyemarakkan kitaran keganasan dan menggagalkan prospek keamanan.

Blok berkenaan juga mengecam jenayah pencerobohan, genosid dan pembersihan etnik yang dilakukan Israel di Semenanjung Gaza.

Ia mengulangi gesaannya untuk gencatan senjata segera, akses kemanusiaan tanpa had, serta penamatan sekatan yang telah mewujudkan keadaan

seakan kebuluran dan melumpuhkan sistem kesihatan Gaza.

Mereka turut menolak sebarang rancangan untuk mengusir rakyat Palestin atas apa jua alasan dan menegaskan Israel bertanggungjawab sepenuhnya sebagai kuasa pendudukan terhadap malapetaka kemanusiaan di wilayah itu.

Blok itu menegaskan bahawa Gaza adalah bahagian penting yang tidak boleh dipisahkan dari tanah Palestin yang diduduki serta menyuarakan sokongan agar Negara Palestin mengambil alih tadbir urus sepenuhnya ke atas Gaza dan Tebing Barat di bawah satu pentadbiran bersatu berasaskan program politik Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO), satu-satunya wakil sah rakyat Palestin. - ©BERNAMA

UNRWA BERI AMARAN SEJUTA WANITA, GADIS DI GAZA BERDEPAN KEBULURAN BESAR-BESARAN



GAZA CITY/ISTANBUL, 17 Ogos. - Agensi Bantuan dan Kerja Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Pelarian Palestin (UNRWA) pada Sabtu memberi amaran sekurang-kurangnya sejuta wanita dan gadis di Semenanjung Gaza berdepan kebuluran akibat sekatan berbulan-bulan serta perang yang memusnahkan wilayah itu, lapor Anadolu Ajansi (AA).

"Wanita dan gadis di Gaza berdepan kebuluran, keganasan dan penderaan.

"Mereka terpaksa menggunakan strategi bertahan

hidup yang semakin berbahaya, termasuk keluar mencari makanan dan air dengan risiko tinggi ditembak mati," menurut UNRWA dalam satu hantaran di platform media sosial X.

Agensi itu mendesak sekatan ke atas Gaza ditamatkan dan penghantaran bantuan kemanusiaan berskala besar dibenarkan segera.

Gaza kini berdepan krisis kemanusiaan terburuk dalam sejarahnya, dengan kebuluran memburukkan lagi konflik yang sedang berlaku.

Sejak 2 Mac, Israel menutup

semua lintasan ke wilayah itu, menyekat bantuan kemanusiaan dan mengakibatkan Gaza di ambang kebuluran meskipun ribuan trak bantuan menunggu di sempadan.

Hanya sedikit bekalan dibenarkan masuk, jauh daripada mencukupi untuk menampung keperluan penduduk yang kebuluran.

Awal bulan ini, Program Makanan Sedunia PBB (WFP) turut memberi amaran bahawa satu pertiga daripada 2.4 juta penduduk Gaza telah berhari-hari kebuluran tanpa makanan.

Israel membunuh hampir 61,900 rakyat Palestin di Gaza sejak Oktober 2023. - ©BERNAMA

1 maut, 1 cedera dalam nahas helikopter di timur DR Congo

KINSHASA, 17 Ogos. - Sebuah helikopter awam terhempas berhampiran pusat bandar Kisangani, ibu kota wilayah Tshopo di timur Republik Demokratik Congo (DR Congo) pada Sabtu, mengorbankan seorang dan mencederakan seorang lagi, menurut saksi seperti dipetik Xinhua.

Sumber di stesen meteorologi Kisangani mengesahkan angka korban sementara itu.

Menurut sumber lapangan terbang, perkhidmatan kecemasan telah diletakkan dalam keadaan berjaga-jaga selepas kru melaporkan isyarat kecemasan ketika penerbangan.

Helikopter itu kemudian melanggar pokok sebelum terhempas berhampiran pusat bandar.

Setakat ini belum dapat dipastikan jumlah sebenar penumpang di dalam pesawat berkenaan. Pihak berkuasa telah menghantar pasukan ke lokasi untuk menyiasat punca nahas, kata saksi.

Pegawai tempatan masih belum mengeluarkan kenyataan rasmi mengenai insiden itu. - ©BERNAMA

Ukraine tekankan gencatan senjata sebelum rundingan damai

KYIV, 17 Ogos. - Ukraine pada Sabtu menolak cadangan Presiden Amerika Syarikat, Donald Trump untuk mengadakan rundingan damai dengan Rusia tanpa terlebih dahulu melaksanakan gencatan senjata, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

"Pendapat kami ialah: gencatan senjata dahulu, kemudian barulah yang lain," kata Penasihat kepada Presiden Volodymyr Zelensky, Serhiy Leshchenko, dalam siaran

televisyen Ukraine.

Beliau berkata, jika pertempuran diteruskan ketika rundingan berlangsung, terdapat risiko besar Ukraine diperas ugut, sehari selepas Presiden Trump mengadakan pertemuan dengan Presiden Rusia, Vladimir Putin di Alaska bagi membincangkan usaha menamatkan peperangan.

Trump sebelum ini menulis di platform Truth Social bahawa selepas berunding dengan

Presiden Zelensky dan sekutu Eropah, semua bersetuju cara terbaik mencapai keamanan di Ukraine adalah dengan terus mencapai perjanjian damai - dan bukan dengan gencatan senjata, yang menurutnya sering gagal dipatuhi.

Ukraine mempertahankan diri daripada pencerobohan besar-besaran Rusia sejak hampir tiga setengah tahun lalu. - ©BERNAMA

31 terbunuh, 13 cedera dalam serangan di barat Sudan

KHARTOUM, 17 Ogos. - Sekurang-kurangnya 31 orang termasuk tujuh kanak-kanak dan seorang wanita hamil terbunuh manakala 13 lagi cedera pada Sabtu dalam serangan di bandar El Fasher, barat Sudan, menurut kumpulan sukarelawan, lapor Xinhua.

Sudan Doctors Network, sebuah kumpulan sukarelawan dalam satu kenyataan mendakwa serangan didalangi pasukan separa tentera Rapid Support Forces (RSF) disifatkan 'jenayah keji' dengan menyasarkan kem pelarian Abu Shouk menggunakan artileri.

Kumpulan itu memberi amaran bahawa pengempungan berterusan di El Fasher menyebabkan kekurangan kritikal ubat-ubatan, kakitangan perubatan dan makanan, sekali gus mendedahkan ribuan wanita serta kanak-kanak kepada kematian.

Sementara itu, Jawatankuasa Penentangan di El Fasher, sebuah lagi kumpulan sukarelawan berkata serangan RSF bermula awal pagi dan berlanjutan hingga tengah hari mencetuskan panik dalam kalangan orang awam, mengakibatkan perpindahan baharu, selain banyak korban serta kerosakan terhadap rumah dan infrastruktur.

Setakat ini tiada kenyataan segera daripada pihak RSF berhubung insiden berkenaan.

Konflik di Sudan meletus pada April 2023 akibat perebutan kuasa antara Angkatan Tentera Sudan dan RSF, memusnahkan infrastruktur negara, meragut puluhan ribu nyawa, memaksa jutaan penduduk berpindah dan mencetuskan krisis kemanusiaan.

El Fasher, ibu negeri Darfur Utara telah menjadi pusat konflik dan dikepung oleh RSF sejak Mei 2024. - ©BERNAMA

Kerajaan Kanada arah timbang tara untuk akhiri mogok Air Canada

OTTAWA, 17 Ogos. - Kerajaan Persekutuan Kanada mengarahkan pelaksanaan timbang tara yang mengikat bagi menamatkan mogok melibatkan kira-kira 10,000 kru kabin Air Canada yang bermula awal Sabtu, lapor Xinhua.

Menteri Pekerjaan dan Keluarga, Patty Hajdu dalam satu kenyataan berkata beliau menggunakan kuasa di bawah Seksyen 107 Kod Buruh Kanada untuk mengarahkan Lembaga Perhubungan Perindustrian Kanada menjalankan timbang tara dalam pertikaian antara Air Canada dan Kesatuan Pekerja Awam Kanada (CUPE).

"Kesan besar akibat gangguan buruh di seluruh negara pada skala ini sudah mula dirasai

rakyat Kanada dan pelawat ke negara ini. Kesan itu akan meningkat dengan ketara sekiranya pertikaian berlarutan," menurut kenyataan itu.

Beliau meminta lembaga berkenaan membantu kedua-dua pihak menyelesaikan terma-terma perjanjian kolektif dengan melaksanakan timbang tara muktamad dan mengikat, serta melanjutkan terma perjanjian kolektif sedia ada sehingga perjanjian baharu ditentukan oleh penimbang tara, menurut kenyataan itu.

Keputusan ini akan melindungi ratusan ribu rakyat Kanada dan pelawat daripada terkesan akibat pembatalan penerbangan. Ia juga akan memastikan penghantaran barangan kritikal

seperti ubat-ubatan dan organ manusia, lebih 40 peratus daripadanya diangkut oleh Air Canada terus sampai ke destinasi.

Air Canada dalam kenyataannya mengesahkan mogok yang diketuai CUPE itu bermula secara rasmi pada 12.58 pagi waktu tempatan (0458 GMT) Sabtu, dan kira-kira 130,000 pelanggan akan terjejas setiap hari selagi mogok berterusan.

Walaupun rundingan selama lapan bulan mengenai isu bayaran pampasan, elaun tugas darat, penambahbaikan pencen dan faedah, serta pertambahan hari rehat kru dijalankan, Air Canada masih gagal mencapai persetujuan awal dengan CUPE. - ©BERNAMA

Dokumen persiapan sidang kemuncak ditemukan dalam pencetak Hotel Alaska

ANCHORAGE (Alaska), 17 Ogos. - Dokumen persiapan bagi sidang kemuncak antara Presiden Amerika Syarikat (AS), Donald Trump dan Presiden Rusia, Vladimir Putin dijumpai dalam sebuah pencetak hotel di Anchorage, menurut laporan media AS, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Rangkaian radio NPR melaporkan dokumen lapan muka surat itu ditemukan pada pagi Jumaat di pusat perniagaan Hotel Captain Cook, terletak kira-kira 20 minit pemanduan dari pangkalan

tentera Elmendorf-Richardson, lokasi pertemuan kedua-dua presiden yang membincangkan perang Ukraine.

Dokumen yang turut disiarkan NPR itu mengandungi jadual terperinci dengan bilik mesyuarat khusus, nama dan nombor telefon pegawai Jabatan Negara AS, menu makan tengah hari yang dirancang, serta biografi ringkas dan foto peserta sidang kemuncak.

Menu makan tengah hari termasuk salad hijau, *filet mignon* dan ikan *halibut* dengan pencuci

mulut *crème brûlée*.

Turut ditemukan ialah panduan sebutan nama Rusia, termasuk 'POO-tihn' bagi Presiden Rusia. Pakar keselamatan mengkritik insiden berkenaan.

"Ini bukti tambahan tentang sikap cuai dan ketidakcekapan pentadbiran.

"Perkara sebegini tidak boleh ditinggalkan dalam pencetak. Semudah itu," kata Jon Michaels, profesor undang-undang di UCLA, Los Angeles, kepada penyiar berkenaan. - ©BERNAMA

Merz jangka perbincangan tiga hala selepas pertemuan Zelensky-Trump

BERLIN, 17 Ogos. - Canselor Jerman, Friedrich Merz pada Sabtu berkata mesyuarat tiga hala dijangka diadakan susulan pertemuan antara Presiden Ukraine, Volodymyr Zelensky dan Presiden Amerika Syarikat (AS), Donald Trump di Washington pada Isnin, lapor Xinhua.

Dalam temu bual bersama penyiar awam ARD, Merz berkata rundingan tiga hala yang melibatkan Presiden Rusia, Vladimir Putin, Presiden Zelensky dan Presiden Trump berkemungkinan berlangsung tidak lama lagi, meskipun masih terdapat ketidakpastian.

Pada Sabtu, akhbar Jerman Bild melaporkan kerajaan Jerman, Britain dan Perancis akan memutuskan pada Ahad sama ada untuk menghantar wakil ke mesyuarat di AS, serta tahap mereka akan mengambil bahagian.

Mengulas mengenai sidang kemuncak Alaska pada Jumaat, Merz berkata di platform media sosial X bahawa 'berita baik' apabila tiada rundingan wilayah berlaku antara Presiden Putin dan Presiden Trump tanpa melibatkan Ukraine atau Kesatuan Eropah. Merz berkata rundingan akan diteruskan dan Kesatuan Eropah akan memainkan peranan dalam proses itu. - ©BERNAMA



ePaper Pelita Brunei



LEBIH 100 SERTAI CABARAN BUKIT PATOI



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau hadir selaku tetamu kehormat pada Cabaran Bukit Patoi anjuran Biro Kawalan Narkotik (BKN). Turut hadir ialah Pengarah BKN, Dato Paduka Haji Mohd. Zalani bin Haji Ismail.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Azmah Haji Ahad

TEMBURONG, Ahad, 17 Ogos. - Biro Kawalan Narkotik (BKN) menganjurkan Cabaran Bukit Patoi yang julung kalinya diadakan bersempena dengan Sambutan Hari Antarabangsa Menentang Penyalahgunaan dan Pengedaran Dadah Haram

2025 bertempat di Taman Rekreasi Hutan Bukit Patoi, pagi tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat pada cabaran tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, Ketua Kampung

Labu Estate dan Piasau-Piasau. Turut hadir ialah Pengarah BKN, Dato Paduka Haji Mohd. Zalani bin Haji Ismail.

Cabaran Bukit Patoi dimulakan dengan sesi pemanasan badan, diikuti dengan penyempurnaan pelepasan mengikut kategori-kategori yang dipertandingkan.

Lebih kurang 100 peserta

menyertai acara tersebut yang dibukakan kepada semua penduduk dan bukan penduduk Negara Brunei Darussalam.

Memenangi bagi Kategori Lelaki Terbuka ialah Junaidi Omar, manakala bagi Kategori Lelaki Veteran ialah Sefli Ahar. Manakala bagi Kategori Wanita Terbuka dimenangi oleh Erah Mid

manakala bagi Kategori Wanita Veteran pula dimenangi oleh Erin Liam.

Para peserta yang menyertai cabaran tersebut juga berpeluang memenangi hadiah melalui cabutan bertuah. Acara ini merupakan inisiatif BKN dalam menyemarakkan kesedaran bahaya dadah melalui pendekatan gaya hidup sihat.

Walkaton sempena 27 Tahun Perkhidmatan Hospital PMMPMHAMB



PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Kementerian Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat bagi sama-sama menyertai pengisian acara berkenaan (kiri sekali), manakala gambar kiri, antara yang menyertai kempen tersebut.

menyertai Walkaton dan Kempen Kebersihan berkenaan yang antaranya bukan hanya terdiri daripada pegawai dan kakitangan Hospital PMMPMHAMB bahkan juga ahli keluarga masing-masing.

Antara tujuan acara ini diadakan adalah bagi meningkatkan persefahaman dan kerjasama secara berpasukan serta mengeratkan lagi hubungan silaturahim dalam kalangan pegawai dan kakitangan Hospital PMMPMHAMB.

Dalam pada itu, kemeriahan acara berkenaan turut diisikan dengan aktiviti sukan ria bagi menggalakkan mereka yang hadir untuk bergiat aktif dan cergas sekali gus menyemai semangat kompetitif yang sihat. Cabutan hadiah bertuah juga menjadi salah satu tarikan pengisian sampingan sepanjang acara berlangsung.

Berita dan Foto : Nurdiyanah Rajami

TUTONG, Ahad, 17 Ogos. - Dalam sama-sama memperingati 27 Tahun Perkhidmatan Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah (PMMPMHAMB), Tutong warga hospital berkenaan telah memanfaatkan hujung minggu mereka dengan berhimpun bagi memeriahkan Acara Walkaton dan

Kempen Kebersihan di kawasan persisiran Pantai Seri Kenangan, Daerah Tutong, pagi tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi sama-sama menyertai pengisian acara berkenaan ialah Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Kementerian Kesihatan, Pengiran Mohammad Khiruddin bin

Pengiran Haji Yusoff.

Turut hadir di acara berkenaan ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri; Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Hospital PMMPMHAMB, Pengiran Muhammad 'Afwi bin Pengiran Haji Bakar; ahli-ahli lembaga pelawat dan kakitangan Hospital PMMPMHAMB; pegawai-pegawai dan kakitangan dari Kementerian Kesihatan.

Terdahulu, bagi memberkati acara, bacaan Surah Al-Fatihah

dan Doa Selamat dipimpin oleh Awangku Muhammad Hafiz bin Pengiran Haji Rusnan.

Majlis diteruskan dengan taklimat ringkas daripada Awang Haji Mohammad Danil bin Haji Othman dan diikuti dengan sesi senamrobik.

Sejurus selesai, Acara Walkaton sejauh 3 kilometer dimulakan di kawasan pesisiran Pantai Seri Kenangan dan kemudian diselenggarakan dengan Kempen Kebersihan.

Seramai 120 orang telah

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

DOA ADALAH SENJATA ORANG BERIMAN